



## IFRC

Garis panduan WASH untuk  
promosi kebersihan semasa  
operasi kecemasan

© International Federation of Red Cross  
and Red Crescent Societies, Geneva, 2018

Copies of all or part of this manual may be made for noncommercial use, providing the source is acknowledged. The IFRC would appreciate all request being directed to the IFRC at [secretariat@ifrc.org](mailto:secretariat@ifrc.org).

The opinions and recommendations expressed in this manual do not necessarily represent the official policy of the IFRC or of individual National Red Cross or Red Crescent Societies. The designations and maps used do not imply the expression of any opinion on the part of the IFRC or National Societies concerning the legal status of a territory or of its authorities. All photos used in this manual are copyright of the IFRC unless otherwise indicated.

**IFRC WASH GUIDELINES FOR HYGIENE PROMOTION  
IN EMERGENCY OPERATIONS  
1319400 10/2017 E**

P.O. Box 303  
CH-1211 Geneva 19  
Switzerland  
Tel: +41 22 730 42 22  
Fax: +41 22 730 42 00  
E-mail: [secretariat@ifrc.org](mailto:secretariat@ifrc.org)  
Web site: [www.ifrc.org](http://www.ifrc.org)

**IFRC**

# Garis panduan WASH untuk promosi kebersihan semasa operasi kecemasan

Garis panduan ini membantu kakitangan dan sukarelawan Palang Merah Bulan Sabit Merah untuk bekerja secara sistematik dalam menjalankan promosi kebersihan semasa kecemasan, bermula dengan memahami

masalah dan kumpulan sasar, halangan dan pendorong untuk perubahan tingkah laku dengan melibatkan masyarakat di semua peringkat dan memastikan respons yang berkesan dan bersesuaian dengan keperluan.



# Isi kandungan

<b>Senarai Singkatan</b>	<b>4</b>
<b>Senarai Gambar Rajah</b>	<b>5</b>
<b>Pengenalan</b>	<b>6</b>
<b>Siapakah yang memerlukan dokumen ini?</b>	<b>8</b>
<b>Apakah promosi kebersihan dan mengapa ia penting semasa kecemasan?</b>	<b>8</b>
<b>Bagaimana untuk melaksanakan promosi kebersihan semasa kecemasan?</b>	<b>16</b>
<b>Langkah 1:</b> Mengenal Pasti Masalah	<b>20</b>
<b>Langkah 2:</b> Mengenal Pasti Kumpulan Sasaran	<b>28</b>
<b>Langkah 3:</b> Menganalisis Halangan dan Pendorong untuk Perubahan Tingkah Laku	<b>32</b>
<b>Langkah 4:</b> Merumuskan Objektif Perubahan Tingkah Laku Kebersihan	<b>42</b>
<b>Langkah 5:</b> Perancangan	<b>46</b>
<b>Langkah 6:</b> Pelaksanaan	<b>66</b>
<b>Langkah 7:</b> Pemantauan dan Penilaian	<b>78</b>
<b>Langkah 8:</b> Kajian Semula, Penyelarasian Semula	<b>86</b>
<b>Rujukan</b>	<b>89</b>
<b>Lampiran</b>	<b>92</b>
<b>Garis Panduan IFRC untuk Promosi Kebersihan – Quick Fix</b>	<b>93</b>

# Senarai Singkatan

---

CHS	Core Humanitarian Standard	Standard teras kemanusiaan
CLTS	Community-Led Total Sanitation	Sanitasi keseluruhan pimpinan komuniti
CEA	Community Engagement and Accountability	Penglibatan dan akauntabiliti komuniti
ERU	Emergency Response Unit	Unit tindakan kecemasan
FGD	Focus group discussion	Perbincangan kumpulan tumpuan
IEC	Information, education and communication	Maklumat, pendidikan dan komunikasi
IFRC	International Federation of Red Cross and Red Crescent Societies	Persekutuan Antarabangsa Persatuan Persatuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah
M&E	Monitoring and evaluation	Pemantauan dan penilaian
MSM	Mass Sanitation Module	Modul sanitasi massa
NDRT	National Disaster Response Team	Pasukan tindakan bencana negara
NFI	Non-food items	Barangan bukan makanan
NS	National Society	Persatuan kebangsaan
PHAST	Participatory Hygiene and Sanitation Transformation	Transformasi kebersihan dan sanitasi secara penyertaan
PoA	Plan of Action	Pelan tindakan
RCRC	Red Cross Red Crescent	Palang Merah Bulan Sabit Merah
RDRT	Regional Disaster Response Team	Pasukan tindakan bencana serantau
WASH	Water, Sanitation and Hygiene	Air, sanitasi dan kebersihan

# Senarai Gambar Rajah

---

Gambar rajah 1: Kerangka penambahbaikan kebersihan WASH

Gambar rajah 2: Kitaran projek promosi kebersihan

## Nota

Pek Promosi Kebersihan Semasa Operasi Kecemasan ini terdiri daripada:

1. Garis Panduan IFRC untuk Promosi Kebersihan semasa Operasi Kecemasan (*dokumen ini*)
  - ↳ Dokumen ini memberi panduan bagaimana merancang dan melaksanakan promosi kebersihan semasa kecemasan, dengan maklumat lanjut melalui pautan yang disediakan.
2. Ringkasan Garis Panduan IFRC untuk Promosi Kebersihan semasa Operasi Kecemasan – Quick Fix (*lampiran*)
  - ↳ Untuk memberi tinjauan keseluruhan
3. Ringkasan 16-mukasurat Garis Panduan IFRC untuk Promosi Kebersihan semasa Operasi Kecemasan
  - ↳ Merupakan ringkasan yang menjelaskan garis kasar, serta huraian singkat kesemua langkah-langkah berkenaan (*hanya didapati dalam Bahasa Inggeris*)
4. Manual latihan untuk membantu pelaksanaan Garis Panduan IFRC untuk Promosi Kebersihan semasa Operasi Kecemasan
  - ↳ Dengan matlamat pelajaran dan rancangan sesi yang boleh diubahsuai mengikut keadaan (*hanya didapati dalam Bahasa Inggeris*)



Pengenalan

# Pengenalan

Matlamat garis panduan ini adalah untuk memastikan bahawa semua program air, sanitasi dan kebersihan [WASH] sewaktu kecemasan Palang Merah Bulan Sabit Merah [RCRC] melibatkan promosi kebersihan berkesan dan berkaitan dengan konteksnya. Tidak seperti kebanyakan organisasi yang lain, RCRC mempunyai kedudukan unik dengan adanya kakitangan dan sukarelawan yang berasaskan komuniti, dan kemampuan untuk bekerjasama dengan komuniti yang merupakan unsur penting dalam promosi kebersihan. Walau bagaimanapun, berdasarkan pengalaman yang dihadapi semasa kecemasan, pendekatan amnya ditumpukan kepada ‘menyampaikan’ promosi kebersihan dalam bentuk memberi pesanan sahaja. Garis panduan ini membantu kakitangan dan sukarelawan RCRC untuk bekerja secara sistematik dengan merangkumi kesemua langkah penting dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan promosi kebersihan. Proses ini dimulakan dengan memahami masalah, halangan dan pendorong untuk perubahan tingkah laku; dengan melibatkan komuniti pada semua peringkat – mendengar dan bekerja bersama komuniti yang terjejas, memastikan tindak balas yang berkesan dan sesuai dengan keperluan setempat. Walaupun setiap situasi adalah berbeza, pendekatan ini memberi panduan yang jelas untuk memastikan kualiti; mematuhi standard yang dipersetujui; memastikan pelaksanaan yang berkesan dengan pemantauan dan latihan yang bersesuaian dengan keperluan setempat.

Dokumen ini telah diringkaskan kepada satu dokumen 16 muka surat dan juga terdapat dokumen tinjauan keseluruhan (*lampiran*) serta satu manual latihan dengan cadangan aktiviti untuk sesi latihan promosi kebersihan semasa kecemasan. Semua dokumen dan pautan untuk peralatan, sumber dan bahan rujukan yang dinyatakan dalam dokumen ini boleh didapati melalui laman web <http://watsanmissionassistant.org>.

## Siapakah yang memerlukan dokumen ini?

Dokumen ini disediakan untuk semua kakitangan dan sukarelawan RCRC yang akan mengambil tindakan semasa kecemasan, termasuk sukarelawan komuniti, kakitangan Persatuan Kebangsaan [NS], pasukan tindakan bencana kebangsaan [NDRT], pasukan tindakan bencana serantau [RDRT] dan unit tindakan kecemasan [ERU], terutamanya mereka yang bekerja di sektor WASH.

Sasaran pembaca yang spesifik adalah para promoter kebersihan (*hygiene promoter*) yang mungkin mempunyai tahap berbeza dalam pengalaman dan keupayaan untuk mengambil tindakan kecemasan WASH. Tujuan garis panduan dan bahan latihan ini disediakan supaya dapat digunakan oleh semua promoter kebersihan dalam pelbagai situasi; menyediakan panduan kepada mereka yang kurang berpengalaman, dan untuk kegunaan mereka yang lebih berpengalaman dalam situasi di mana pengalaman dan pertimbangan diperlukan untuk menyesuaikan aktiviti ketika bertugas dalam persekitaran yang lebih mencabar.

## Apakah promosi kebersihan dan mengapa ia penting semasa kecemasan?

### Definisi RCRC untuk Promosi Kebersihan semasa Kecemasan

Promosi kebersihan semasa kecemasan oleh RCRC didefinisikan sebagai: “satu pendekatan terancang dan sistematik yang disampaikan oleh kakitangan dan sukarelawan RCRC; untuk membolehkan orang ramai mengambil tindakan bagi mencegah penyakit yang berkaitan dengan air, sanitasi dan kebersihan dengan menggerakkan dan menglibatkan penduduk yang terjejas, pengetahuan dan sumber mereka; dan memaksimumkan penggunaan dan manfaat kemudahan dan alatan air dan sanitasi.”

Matlamat utama intervensi WASH adalah untuk mencegah dan mengurangkan penularan penyakit yang berkaitan dengan WASH.

Promosi kebersihan merupakan bahagian penting yang diperlukan dalam intervensi WASH yang berjaya.

Kesihatan individu dan komuniti dipengaruhi oleh pelbagai faktor, contohnya persekitaran, keadaan sosio-ekonomi, sistem kesihatan dan tingkah laku. Adalah amat penting untuk memastikan setiap orang mampu menjaga kesihatan dan bukan sekadar memberi tumpuan kepada tingkah laku individu. Akses kepada kemudahan air, sanitasi dan kebersihan adalah sebahagian daripada promosi kebersihan, bersama dengan usaha mempengaruhi sikap untuk mengubah tingkah laku.

Situasi kecemasan boleh memberi kesan terhadap kesihatan melalui pelbagai cara; kemudahan air, sanitasi dan kebersihan yang terhad, contohnya orang yang tinggal di tempat perlindungan sementara, orang yang meninggalkan rumah mereka (contohnya akibat konflik atau bencana alam), kerosakan infrastruktur (contohnya selepas gempa bumi atau banjir), kekurangan sumber (contohnya sabun), kekurangan kemudahan penjagaan kesihatan, kekurangan makanan, kekurangan tempat perlindungan, kesesakan dan sebagainya. Contoh-contoh tersebut boleh menyebabkan peningkatan risiko penyakit yang berkaitan dengan air dan sanitasi.

Promosi kebersihan melibatkan usaha memastikan penggunaan optimum kemudahan air, sanitasi dan kebersihan yang disediakan. Pengalaman dahulu menunjukkan bahawa kemudahan tidak digunakan dengan cara yang berkesan dan mampan melainkan jika promosi kebersihan dijalankan. Akses kepada perkakasan (contohnya tandas, air minuman dan kemudahan mencuci tangan) digabungkan dengan persekitaran yang menggalakkan perubahan dan promosi kebersihan dapat meningkatkan kebersihan, seperti yang dinyatakan dalam model kerangka penambahbaikan kebersihan WASH (Gambar rajah 1). Tujuan keseluruhan peningkatan kebersihan adalah untuk mencegah atau mengurangkan kesan penyakit yang berkaitan dengan WASH.

Sumber: Promosi kebersihan semasa kecemasan, kertas taklimat kluster WASH ([Hygiene Promotion in Emergencies, WASH cluster briefing paper](#)).



Fokus promosi kebersihan ditentukan berdasarkan risiko kesihatan awam. Biasanya, isu-isu utama yang perlu ditangani adalah:

- Pelupusan kumuhan (*excreta*) yang selamat
- Pencucian tangan yang berkesan
- Mengurangkan pencemaran air minuman isi rumah

Akan tetapi, ia tidak terhad kepada isu-isu ini sahaja, malah isu-isu yang lain seperti kawalan vektor, pengurusan sisa dan pengurusan kebersihan haid (*menstrual hygiene management*) juga perlu dipertimbangkan berdasarkan keperluan dan konteks bencana alam.

Perkara utama adalah untuk memastikan populasi yang terjejas mempunyai kesedaran terhadap risiko kesihatan awam dan berupaya mengamalkan amalan kebersihan yang selamat serta dapat memanfaatkan kemudahan dan perkhidmatan WASH dengan sebaik mungkin (termasuk operasi dan penyelenggaraan).



Gambar rajah 1: Kerangka penambahbaikan kebersihan WASH

Setakat ini, pendekatan ‘kempen’ telah digunakan secara meluas untuk promosi kebersihan kecemasan oleh RCRC. Kempen-kempen ini distruktur mengikut prinsip pendidikan kebersihan untuk disampaikan secara preskriptif dan formal. Contohnya, berdiri di depan sekumpulan komuniti untuk menjelaskan carta penyebaran penyakit (carta F) dengan poster. Pendekatan ini kurang memberi pertimbangan kepada penglibatan aktiviti berkumpulan yang mendorong peserta untuk beraksi atau menyumbangkan fikiran. Pendekatan yang lebih berkesan adalah untuk memberi peluang dan ruang kepada sekumpulan wanita untuk membincangkan carta tersebut.



### Komponen-komponen utama promosi kebersihan:

<b>Penglibatan komuniti</b>	Berbincang dengan lelaki, wanita, dan kanak-kanak yang terjejas mengenai reka bentuk kemudahan, kit kebersihan dan sistem jangkauan, mengenal pasti golongan terdedah dan bekerja selaras dengan struktur masyarakat yang sedia ada.
<b>Penggunaan dan penyelenggaraan kemudahan</b>	Maklum balas kepada/daripada jurutera atau komuniti terhadap reka bentuk dan tahap penerimaan kemudahan. Ini akan menggalakkan rasa pemilikan dan tanggungjawab komuniti dalam pembersihan dan penyelenggaraan kemudahan.
<b>Pemilihan dan pengagihan barang kebersihan</b>	Bekerjasama dengan komuniti tentang jenis barang kebersihan yang sesuai dan yang diperlukan.

<b>Tindakan individu dan komuniti</b>	Menggunakan prinsip-prinsip komunikasi perubahan tingkah laku, menjalankan latihan untuk sukarelawan komuniti sebagai promoter kebersihan, mengaturkan aktiviti kemasyarakatan seperti drama, dan melibatkan individu melalui lawatan rumah.
<b>Komunikasi dengan pihak berkepentingan WASH</b>	Bekerjasama dengan Kerajaan, organisasi lain (baik antarabangsa atau kebangsaan) yang bekerja di kawasan yang sama, mengambil bahagian dalam mekanisme penyelarasan seperti kluster WASH.
<b>Pemantauan</b>	Penggunaan dan tahap kepuasan komuniti terhadap program yang dijalankan dan kemudahan yang disediakan.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada kertas taklimat Promosi Kebersihan Kluster WASH (pautan di muka surat sebelumnya). Program WASH RCRC harus merangkumi semua komponen-komponen ini.

### ***Prinsip dan Standard***

Semua kakitangan dan sukarelawan RCRC yang terlibat dalam aktiviti promosi kebersihan perlu memahami dan mematuhi semua prinsip dan standard kemanusiaan, termasuk:

- ↳ [Prinsip-prinsip Asas RCRC](#)
- ↳ [Kod Tatalaku Pergerakan RCRC](#)
- ↳ [Standard dalam buku panduan Sphere](#)
- ↳ [Penglibatan dan Akauntabiliti Komuniti](#) (*community engagement and accountability*)

## **Buku panduan Sphere**

Matlamat utama buku panduan *Sphere* adalah untuk meningkatkan kualiti aktiviti tindakan kemanusiaan dalam situasi bencana dan konflik, dan meningkatkan akauntabiliti sistem kemanusiaan terhadap orang yang terjejas akibat bencana.

Terdapat dua standard promosi kebersihan dalam buku panduan *Sphere* (2018)<sup>1</sup>, yang perlu digunakan bersama-sama dengan tindakan utama dan penunjuk.

### **Standard *Sphere* 1:** Pelaksanaan promosi kebersihan

Telaki, wanita dan kanak-kanak yang terjejas dari semua golongan usia menyedari risiko kesihatan awam utama dan didorong untuk mengambil langkah-langkah pencegahan terhadap kemerosotan keadaan kebersihan serta mengguna dan menyelenggara kemudahan yang disediakan.

### **Standard *Sphere* 2:** Pengenalpastian dan penggunaan barang kebersihan

Penduduk yang terjejas akibat bencana mempunyai akses dan terlibat dalam mengenal pasti dan mempromosikan penggunaan barang kebersihan untuk memastikan kebersihan diri, kesihatan, maruah dan kesejahteraan.

Seperti yang dinyatakan dalam buku panduan *Sphere*, promosi kebersihan memberi peluang kepada komuniti yang terjejas untuk melibatkan diri, bagi memastikan bahawa kemudahan-kemudahan sesuai dengan risiko dan keperluan serta digunakan dengan sewajarnya.

Pengalaman selama ini telah menunjukkan bahawa tindakan kecemasan RCRC secara amnya menggunakan pendekatan

---

<sup>1</sup> Sphere Handbook 2018 (<https://spherestandards.org/handbook-2018/>)

'kempen', dengan penekanan untuk menyebarkan pesanan dengan bahan maklumat, pendidikan dan komunikasi (*information, education and communication*) [IEC], bagi tujuan mengubah tingkah laku. Pendekatan ini tidak berkesan jika kita tidak bekerjasama dengan penduduk yang terjejas untuk memahami masalah, pendorong dan halangan komuniti (individu, isi rumah dan keseluruhan komuniti) untuk menangani masalah kesihatan awam bersama-sama. Dengan hanya meningkatkan pengetahuan komuniti yang terjejas mungkin tidak dapat mengubah tingkah laku dan sikap mereka – mereka tidak harus dianggap sebagai orang tanpa berpengetahuan atau hanya menunggu maklumat disalurkan kepada mereka.

### Kesilapan lazim dalam promosi kebersihan

Pelbagai kesilapan dalam pelaksanaan promosi kebersihan telah diperhatikan melalui beberapa laporan, ulasan dan garis panduan

Terlalu bertumpu pada:

- Penyebaran pesanan satu hala tanpa mendapat tahu pandangan pelbagai kumpulan dalam sesuatu populasi.
- Mencipta reka bahan promosi seperti poster dan risalah sebelum memahami sesuatu masalah dengan betul.
- Kebersihan diri dan kurang tumpuan atas penggunaan, operasi dan penyelenggaraan kemudahan.

Kurang bertumpu pada:

- Tindakan praktikal yang boleh dilaksanakan dan cara-cara untuk berkomunikasi
- Bagaimana menangani pelbagai tingkah laku dan pandangan pelbagai kumpulan pada masa yang sama
- Menggunakan pelbagai pendorong seperti pemupukan (*nurture*), kejijikan (*disgust*) dan perhubungan (*affiliation*) serta pencapaian kesihatan yang lebih baik sebagai pendorong utama.
- Mendengar, membincang dan berdialog untuk mengenal pasti isu-isu dan menyesuaikan perubahan yang perlu dilakukan dalam situasi spesifik.

Mobilisasi komuniti adalah penting semasa bencana untuk menggalakkan orang ramai supaya mengambil tindakan menjaga kesihatan mereka. Aktiviti-aktiviti promosi perlu melibatkan, mengikut kemampuan, kaedah-kaedah interaktif lebih daripada penyebaran pesanan secara massa (buku panduan *Sphere*, 2018). Jika kaedah-kaedah yang digunakan mampu berinteraksi dengan komuniti keseluruhan (lelaki, wanita, kanak-kanak, golongan terpinggir) dengan adanya peluang untuk berkongsi maklumat, berbincang dan bertanya soalan, pengetahuan yang lebih mendalam dapat diperoleh mengenai perkara-perkara yang boleh mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku orang ramai.

### **Akauntabiliti**

Akauntabiliti asas mestilah kepada orang yang kita membantu. Semua aktiviti WASH RCRC mesti memberi penekanan kepada: memberi maklumat, mendengar secara aktif suara mereka yang terjejas, sikap hormat-menghormati dan saling faham-memahami kepada mereka yang kita bantu.

[Projek Akauntabiliti Kluster WASH](#) telah menghasilkan peralatan mudah untuk membantu pekerja lapangan WASH memahami aspek akauntabiliti yang praktikal. Akauntabiliti dijelaskan sebagai mempunyai lima dimensi: penyertaan, ketelusan, mekanisme maklum balas dan aduan, kecekapan dan sikap kakitangan, serta pemantauan dan penilaian.

Promoter kebersihan sangat digalakkan untuk membaca buku kecil ini kerana terdapat cadangan aktiviti utama untuk fasa pertama mendadak dan fasa kedua/kecemasan kronik. Buku kecil Akauntabiliti menghuraikan semua dimensi akauntabiliti. Aspek utama akauntabiliti kepada penerima bantuan termasuklah memberi penjelasan dan mengambil tanggungjawab terhadap apa yang anda lakukan dan tidak lakukan, menyediakan maklumat yang mudah diakses dan tepat pada masa, memastikan mekanisme disediakan untuk maklum balas dan aduan serta

membolehkan orang yang terjejas untuk membuat keputusan mengenai intervensi WASH.

Standard Teras Kemanusiaan [CHS] terhadap Kualiti dan Akauntabiliti menetapkan sembilan Komitmen yang boleh digunakan untuk meningkatkan tahap kualiti dan akauntabiliti kepada komuniti dan orang yang terjejas akibat krisis; teras ini menempatkan komuniti dan orang yang terjejas akibat krisis sebagai pusat tumpuan tindakan kemanusiaan dan menggalakkan penghormatan terhadap hak asasi manusia mereka. Ia dikaitkan dengan Prinsip-prinsip Asas RCRC mengenai kemanusiaan, kesaksamaan, kebebasan dan sifat berkecualian. CHS ini akan digabungkan dalam buku panduan *Sphere* 2018.

---



### **S: Apakah ada sebarang bukti bahawa promosi kebersihan berkesan semasa kecemasan?**

J: Walaupun kita mungkin menghadapi masalah kekurangan bukti akademik untuk menunjukkan bahawa promosi kebersihan kecemasan berkesan (terutamanya semasa kecemasan mendadak), terdapat banyak bukti anekdot yang menunjukkan ia berkesan. Promosi kebersihan bukan sahaja tentang perubahan tingkah laku, seperti menggalakkan orang ramai mencuci tangan. Ia juga mengenai penglibatan orang untuk membolehkan mereka mengambil tindakan, dan didapati bahawa apabila lebih ramai orang terlibat, program tersebut akan menjadi lebih berkesan.


---

### **Bagaimana untuk melaksanakan promosi kebersihan semasa kecemasan?**

Untuk melaksanakan program promosi kebersihan yang berkesan, yang memberi tumpuan kepada pelupusan kumuhan

yang selamat, pencucian tangan yang berkesan dan pengurangan pencemaran air minuman isi rumah; adalah penting untuk membuat perancangan yang membolehkan orang ramai mengambil tindakan dalam pencegahan penyakit yang berkaitan dengan air, sanitasi dan kebersihan, memenuhi keperluan (berkaitan dengan kesan bencana), dan mempertimbangkan halangan dan pendorong kepada perubahan tingkah laku. Ini mungkin akan memberi cabaran ketika dalam situasi kecemasan yang sering mengelirukan dan dalam keadaan huru-hara.

Pelaksanaan program promosi kebersihan mengikuti sebuah proses kitaran, yang bermula dengan penilaian dan berakhir dengan kajian semula. Ini adalah proses berulang; maklum balas dan pengajaran harus dipelajari untuk memastikan program tersebut sentiasa bersesuaian dengan keperluan orang yang terjejas. Proses intervensi harus kelihatan seperti di bawah:



**Gambar rajah 2: Kitaran projek promosi kebersihan**  
(Sumber: *WASH Cluster, Hygiene Promotion – A Briefing Paper*)

## 8 Langkah Promosi Kebersihan Semasa Kecemasan

---


Proses langkah demi langkah telah dipilih untuk memudahkan pelaksanaan aktiviti promosi kebersihan semasa operasi kecemasan. Pasukan-pasukan promoter kebersihan, sama ada sukarelawan akar umbi atau/dengan kakitangan RCRC akan mengikuti lapan langkah-langkah ini, untuk menyampaikan aktiviti promosi kebersihan asas. Dengan itu, pengurus dan/atau penyelia sukarelawan dan ketua pasukan boleh menyokong dan membimbing kumpulan mereka dengan pengetahuan langkah-langkah mana yang telah dilaksanakan.

Secara ringkasnya, terdapat lapan langkah promosi kebersihan semasa kecemasan RCRC. Terdapat beberapa langkah tambahan kepada kitaran projek di Gambar rajah 2. Hal ini menjadikan proses tersebut lebih berkaitan dengan gaya tindakan bencana RCRC dan untuk memastikan akauntabiliti kepada penerima bantuan melalui pendekatan secara penyertaan.

1. Mengenal pasti masalah
2. Mengenal pasti kumpulan sasaran
3. Menganalisis halangan dan pendorong untuk perubahan tingkah laku
4. Merumuskan objektif perubahan tingkah laku kebersihan
5. Perancangan
6. Pelaksanaan
7. Pemantauan dan penilaian
8. Kajian semula, penyelarasaran semula

Langkah-langkah ini diterangkan dengan lebih terperinci seperti di bawah, dengan pautan laman web kepada pendekatan dan peralatan. Dengan melengkapkan kesemua lapan langkah, promoter kebersihan akan dapat menyampaikan aktiviti promosi kebersihan dengan lebih berstruktur dan sistematik. Pada akhir langkah 5 (perancangan), pasukan promosi kebersihan akan mempunyai pelan perubahan tingkah laku yang sistematik untuk dilaksanakan. Kempen yang dijalankan akan mempunyai objektif perubahan tingkah laku yang jelas dan peralatan promosi akan dipilih mengikut kumpulan sasaran.

Bergantung kepada konteks di permulaan kecemasan, Langkah 1 hingga 5 mungkin mengambil masa selama 7-10 hari untuk dilengkapkan, menggunakan maklumat yang sedia ada pra-bencana, penjanaan data melalui penilaian pantas dan sesetengah maklumat khusus untuk perundingan dengan NS, komuniti dan pihak berkepentingan utama. Pusingan pertama pelaksanaan (Langkah 6) dan pemantauan dan penilaian (Langkah 7) perlu dilaksanakan bermula dari minggu ke-2 untuk berhadapan dengan risiko dan keperluan utama. Langkah 8 adalah penting semasa bulan pertama apabila keadaan mungkin menjadi lebih stabil – oleh itu, penyelarasan semula adalah penting. Pada peringkat ini, adalah penting bagi promoter kebersihan memahami keperluan untuk kembali ke Langkah 1 dengan penilaian yang lebih komprehensif (Langkah 1-3) atau sebaiknya sebuah tinjauan dasar (*baseline survey*), diikuti dengan proses perancangan yang jitu (Langkah 4-5). Tempoh-tempoh masa ini adalah bersifat sementara dan disediakan sebagai panduan sahaja.



LANGKAH 1  
MENGENAL PASTI  
MASALAH



# Langkah 1: Mengenal Pasti Masalah



Matlamat penilaian adalah untuk memahami situasi agar masalah, sumber masalah, akibat masalah, serta keperluan dan keupayaan penduduk yang terjejas dapat dikenal pasti.

Walaupun kecemasan sedang berlaku, penilaian perlu dirancang: maklumat kritikal yang diperlukan, sumber-sumber maklumat dan kaedah pengumpulan data perlu dipertimbangkan. Tindakan kecemasan sering huru-hara; koordinasi boleh menjadi sukar jika terdapat banyak organisasi, dan komunikasi adalah mencabar jika rangkaian telefon/bekalan kuasa tidak berfungsi. Terdapat kemungkinan ada kekurangan kakitangan dan sukarelawan NS kerana mereka sendiri mungkin terjejas akibat bencana.

Penilaian pantas (*rapid assessment*) adalah penting semasa beberapa hari yang pertama agar penekanan dapat diberi kepada intervensi-intervensi keutamaan. Lebih maklumat dapat ditambahkan dengan penilaian yang lebih mendalam.

Setelah penilaian dilakukan, sebuah tinjauan dasar harus dijalankan untuk mendokumentasi keadaan semasa (lihat Langkah 5).



## Maklumat apa yang diperlukan?

Sebuah penilaian pantas harus memberikan maklumat mengenai:

- Keadaan kesihatan awam
- Struktur komuniti
- Sumber air minuman yang selamat
- Pelupusan kumuhan yang selamat

- Amalan kebersihan dan mencuci tangan
- Kawalan vektor
- Pengurusan sisa
- Penyaliran
- Kebersihan semasa haid
- Golongan keutamaan dan golongan terdedah

Butiran soalan mengenai maklumat-maklumat utama di atas boleh didapati dalam contoh [Borang penilaian](#).

### **Bagaimana?**

Penilaian perlu dilakukan bersama-sama dengan promoter kebersihan, jurutera WASH dan pegawai kerajaan sambil bekerjasama dan berkoordinasi dengan NS, RDRT, ERU dan pihak berkepentingan lain, misalnya kluster WASH dan rakan sekerja dari sektor lain (kesihatan, perlindungan dan lain-lain). Pasukan penilaian hendaklah termasuk wakil-wakil dari komuniti yang terjejas, mempunyai keseimbangan lelaki dan wanita, serta kakitangan dan sukarelawan dari NS yang mengetahui, memahami dan menghormati budaya komuniti yang terjejas serta mempunyai kemahiran pemerhatian dan mendengar yang baik. Oleh sebab promosi kebersihan menggabungkan pengetahuan dalaman/penduduk yang terjejas (apa yang orang tahu, lakukan dan inginkan) dengan pengetahuan luaran (contohnya sebab-sebab penyakit cirit-birit), adalah penting untuk melibatkan populasi yang terjejas.

Penilaian ini perlu menggunakan kaedah-kaedah interaktif yang menggalakkan penyertaan semua sektor masyarakat; lelaki, wanita dan kanak-kanak, dan pelbagai golongan orang (adalah penting supaya tidak meninggalkan golongan terdedah yang kurang terpandang, termasuk orang kurang upaya), untuk mengumpul maklumat, dan melibatkan diri dengan komuniti supaya mengenal pasti masalah untuk membantu mereka mencari penyelesaian. Pilihan kaedah bergantung kepada konteks, akses, sumber dan

**Langkah 1 Mengenal Pasti Masalah**

masa. Penggunaan kombinasi kaedah, termasuk data kuantitatif (contohnya bilangan tandas yang ada bagi sebilangan penduduk), dan maklumat kualitatif (contohnya sama ada semua orang yang menggunakan tandas berpuas hati dengan reka bentuk, lokasi dan lain-lain) adalah sangat berguna. Pemerhatian dan perbincangan dengan orang adalah penting agar tidak membuat andaian yang salah.

Semua data harus diasingkan mengikut umur dan jantina. Jantina dan faktor-faktor sosial/budaya yang lain (termasuk umur, status kesihatan, status sosial, etnik dan lain-lain) membentuk sejauh mana orang akan terdedah kepada dan dipengaruhi oleh kecemasan. Rujuk kepada **Taraf Komitmen Minimum IFRC kepada Jantina dan Kepelbagaiannya dalam Program Kecemasan** ([IFRC Minimum Standard Commitments to Gender and Diversity in Emergency Programmes](#)) untuk memastikan komitmen terhadap maruah, akses, penyertaan dan keselamatan komuniti yang terjejas dapat ditangani dalam penilaian, perancangan, pelaksanaan dan pemantauan program WASH.



Penilaian yang dijalankan perlu mengambil kira semua lapisan komuniti dan tidak melupakan golongan terpinggir dan terdedah yang kurang dipandang.

**Data Primer dan Sekunder**

Data primer (dikumpulkan sebagai sebahagian daripada penilaian) mestilah berkaitan: contohnya suatu pemahaman mengenai kebersihan dari segi tingkah laku dan perubahan dalam tingkah laku. Jangan mengumpul maklumat yang sedia ada – ia akan membuang masa, sumber dan boleh menganggu komuniti yang mempunyai banyak keperluan lain apabila mereka sentiasa ditanya soalan-soalan yang sama. Kumpulkan data sekunder daripada pelbagai sumber: NS (kakitangan dan sukarelawan), kluster WASH, agensi-agensi kerajaan tempatan dan agensi NGO

tempatan. Triangulasikan segala maklumat sambil membanding dan mengisi jurang maklumat. Maklumat lanjut mengenai teknik and peralatan penilaian WASH boleh didapati [di sini](#).

Teknik penilaian WASH yang paling kerap digunakan dalam RCRC adalah pemerhatian secara langsung dan sesi wawancara dengan pihak berkuasa tempatan dan ahli-ahli komuniti setempat, khususnya pada fasa pertama tindakan kecemasan. Selain itu, peralatan penilaian yang sering digunakan adalah seperti penyusunan tiga longgok (*three pile sorting*), pemetaan, carta undian, tinjauan kaji selidik dan sebagainya harus digunakan secepat mungkin untuk memupuk penglibatan komuniti dan menggalakkan ahli-ahli komuniti untuk bersetuju dengan pengambilan tindakan bersama. Sesetengah peralatan penilaian boleh digabungkan dengan kumpulan orang yang sama, misalnya penyusunan tiga longgok dengan perbincangan kumpulan tumpuan (*focus group discussion*) [FGD], bergantung kepada konteks seperti kelapangan masa orang terlibat dan sebagainya. Kaedah interaktif yang melibatkan penyertaan sebegini mungkin tidak mudah dilaksanakan semasa peringkat awal tindakan kecemasan, namun kaedah-kaedah ini harus digunakan sebanyak mungkin semasa penilaian awal sambil bekerjasama dengan NS dan komuniti.

Data sekunder boleh dikumpul daripada pelbagai sumber seperti NS, kementerian-kementerian kerajaan, pihak berkuasa tempatan, klinik-klinik kesihatan daerah atau komuniti, dan agensi-agensi lain yang bekerja dalam komuniti tersebut. Pengumpulan data sekunder daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai adalah sangat penting.

Contoh borang penilaian di laman web [www.watsanmissionassistant.org](http://www.watsanmissionassistant.org) menyediakan garis kasar untuk senarai semak mengenai maklumat yang patut dikumpulkan dan sumber-sumber pengumpulan. Borang ini mesti disesuaikan mengikut keadaan semasa.

**Langkah 1 Mengenal Pasti Masalah**

Data yang telah dikumpulkan perlu dianalisis; membandingangkan maklumat daripada pelbagai sumber, menyemak untuk memastikan bahawa maklumat yang dikumpulkan adalah berkaitan dan berguna untuk menjawab soalan-soalan penting mengenai sesuatu masalah, penduduk yang terjejas, keupayaan dan keperluan. Proses menganalisis adalah satu langkah yang sangat penting untuk membantu pemahaman keadaan dan mengambil tindakan dengan lebih berkesan. Jangan menangguh analisis sehingga penghujung penilaian. Triangulasikan maklumat, menganalisis data daripada pelbagai sumber dengan menggunakan pelbagai kaedah untuk menyemak jurang maklumat dan yang tidak konsisten.

Laporan penilaian yang jelas adalah penting kerana ini akan menyediakan asas kepada perancangan dan pemantauan program. **Peringatan: rekodkan, kongsikan dan gunakan!**


**S: Apakah cabaran-cabaran ketika melakukan penilaian pantas?**

- J:
1. Ia selalunya sukar, khususnya dalam kecemasan berskala besar untuk mengenal pasti kumpulan yang paling berisiko dan terdedah; koordinasi dan kerjasama dengan organisasi-organisasi yang lain adalah penting bagi memastikan tiada jurang dan untuk mengelakkan pertindihan. Maklumat harus dikumpul di kawasan yang paling terjejas.
  2. Oleh sebab penilaian pantas biasanya menyasarkan golongan paling terdedah, ia tidak selalu dapat menyimpulkan maklumat ini kepada semua kawasan yang terjejas.

3. Data akan hilang ketepatan atau tidak berkaitan dengan cepat, terutamanya dalam keadaan bencana yang melibatkan pergerakan penduduk secara berterusan.
4. Penilaian pantas boleh mengambil masa untuk dilengkapkan, terutamanya dalam persekitaran hulu-hara, oleh itu perhatian diperlukan untuk mengelak pengambilan masa terlalu lama dalam penilaian dan melambatkan pelaksanaan tindakan terhadap keperluan segera.

**S: Adakah pasukan patut menunggu sehingga penilaian diselesaikan sebelum mengambil tindakan?**

J: Tidak, jika terdapat keperluan utama segera, tindakan harus dimulakan. Contohnya dalam tindakan terhadap wabak kolera, penduduk mungkin memerlukan bantuan segera dan maklumat tentang rawatan air minuman. TETAPI – penilaian pantas harus sentiasa dilakukan untuk memastikan tindakan yang berkesan. Sebagai contoh; semasa wabak kolera, memberi poster tidak akan berkesan jika penduduk buta huruf. Tanpa penilaian yang tepat, maklumat ini mungkin tidak diketahui. Tambahan pula, pelaksanaan beberapa aktiviti awal promosi kebersihan di kalangan komuniti akan dapat memberi panduan untuk menjalankan jenis aktiviti pada masa hadapan yang disetujui dan disukai oleh masyarakat.

---

**Langkah 1** Mengenal Pasti Masalah

PENGENALAN

LANGKAH 1

LANGKAH 2

LANGKAH 3

LANGKAH 4

LANGKAH 5

LANGKAH 6

LANGKAH 7

LANGKAH 8



## LANGKAH 2

### MENGENAL PASTI KUMPULAN SASARAN



## Langkah 2: Mengenal Pasti Kumpulan Sasaran



Langkah kedua dalam proses membangunkan pelan promosi kebersihan adalah untuk mengenal pasti kumpulan sasaran. Bagi setiap risiko atau isu kebersihan yang dikenal pasti dalam penilaian (Langkah 1), adalah penting untuk mengenal pasti golongan yang perlu diberi keutamaan.

Pertimbangan penting perlulah diberikan kepada perkara berikut:

- ↙ Mengenal pasti mereka yang berisiko tinggi. Bagi memastikan semua aktiviti WASH disampaikan kepada golongan paling terdedah<sup>2</sup>, analisis jantina dan kepelbagaian (*gender and diversity analysis*) harus dilakukan untuk memilih kumpulan sasaran dan kriteria penyertaan.
- ↙ Jika bekerja dalam konteks kem pelarian, mungkin sesuai untuk mempertimbangkan penduduk tempatan di kawasan persekitaran, bergantung kepada situasi.
- ↙ Mengenal pasti pihak yang berpengaruh (contohnya ketua kampung atau ketua agama) dalam komuniti yang terjejas, dan membuat penilaian pihak-pihak berkepentingan (*stakeholder analysis*).
- ↙ Mengenal pasti lapisan-lapisan yang berbeza dalam komuniti yang terjejas sambil mempertimbangkan keperluan masing-masing mereka (termasuk kanak-kanak, warga tua, orang kurang upaya, golongan terpinggir dan tersembunyi) dan pihak berkepentingan yang lain.

<sup>2</sup> IFRC, 2015, Minimum standard commitments to gender and diversity in emergency programming, pilot version.

- ↳ Penekanan khas diberi kepada keperluan bayi dan kanak-kanak, kerana mereka memerlukan kemudahan WASH yang berbeza daripada golongan masyarakat yang lain.
- ↳ Memberi pertimbangan kepada pengurusan kebersihan haid untuk wanita dan remaja.

Kemampuan untuk membuat keputusan bergantung kepada maklumat yang mereka ada, serta keupayaan mereka untuk menyertai dan melibatkan diri dalam program. Penyertaan sepenuh mereka mungkin tidak boleh dicapai pada waktu awal kecemasan, terutamanya dalam bencana yang melibatkan kemusnahan yang tinggi, kehilangan nyawa dan trauma, tetapi sekurang-kurangnya rundingan dasar dan maklumat perlu dijelaskan pada permulaan operasi. Setelah keadaan menjadi lebih stabil, komuniti yang terjejas perlu diberi peluang untuk melibatkan diri sepenuhnya dalam proses perancangan, termasuk pilihan objektif perubahan tingkah laku.

Pasukan promoter kebersihan seharusnya bekerjasama dengan para jurutera dalam mengenal pasti kumpulan sasaran, dengan membuat lawatan bersama ke komuniti.

Aspek penting untuk dipertimbangkan adalah untuk menilai bagaimana golongan berbeza dikalangan penduduk sasaran berkomunikasi. Dengan mengetahui cara dan bentuk mereka berkomunikasi sebelum dan semasa berlakunya kecemasan adalah penting dalam pemilihan saluran komunikasi yang sesuai. Aspek ini perlu menjadi sebahagian daripada penilaian yang dijalankan. Dengan memahami cara kehidupan sehari-hari pelbagai golongan dalam suasana yang baharu, peluang yang mereka ada untuk berinteraksi dan berkomunikasi, dan jenis saluran yang lebih efektif dapat membentuk reka corak intervensi promosi kebersihan.

**Langkah 2 Mengenal Pasti Kumpulan Sasaran**

**S:** Semasa wabak kolera berlaku, kesemua orang dalam komuniti akan terjejas, jadi bukankah penting untuk menyasarkan semua orang?

**J:** Ya, semasa wabak kolera berlaku, promosi kebersihan adalah penting untuk semua dalam komuniti; tetapi pendekatan yang diambil adalah berbeza untuk setiap kumpulan. Sasaran primer ialah ahli-ahli dalam setiap isi rumah, seperti kanak-kanak, ibu bapa, datuk nenek dan penjaga kanak-kanak. Setiap satu kumpulan tersebut harus didekati dengan cara yang berbeza – kaedah penyampaian (untuk memberi maklumat dan menglibatkan mereka) adalah berbeza.

Kumpulan sasaran sekunder adalah mereka yang boleh mempengaruhi ahli-ahli komuniti untuk mengambil tindakan dan juga memberi bantuan (contohnya ketua komuniti tempatan yang boleh membantu menyebarkan maklumat mengenai kaedah-kaedah kebersihan yang betul).




## LANGKAH 3

### MENGANALISIS HALANGAN DAN PENDORONG UNTUK PERUBAHAN TINGKAH LAKU



# Langkah 3: Menganalisis Halangan dan Pendorong untuk Perubahan Tingkah Laku



Semasa Langkah 1 dijalankan, masalah kesihatan awam utama dan keperluan awam telah dikenal pasti. Semasa Langkah 2 dijalankan, golongan yang paling berisiko yang perlu diberi keutamaan dalam intervensi telah dikenal pasti. Langkah 2 juga telah membantu pemahaman bagaimana mereka boleh dilibatkan dalam sesuatu tindakan dan cara mereka berkomunikasi.

Langkah 3 akan membantu promoter kebersihan untuk memahami tingkah laku dengan mendengar dan membincang dengan semua lapisan komuniti. Untuk memahami tingkah laku sesebuah komuniti dan perkara yang mendorong tingkah laku, ini adalah dipengaruhi oleh konteks, kepercayaan, nilai dan tekanan sosial. Dalam keadaan kecemasan, banyak halangan dan kekangan akan dihadapi.

Terdapat pelbagai model yang menjelaskan isu perubahan tingkah laku yang kompleks. Namun secara umumnya, telah dikenal pasti bahawa intervensi promosi kebersihan semasa kecemasan perlu beralih daripada tanggapan umum bahawa dengan menyebarkan pengetahuan mengenai kuman dan penyakit kepada komuniti akan membawa perubahan tingkah laku. Perubahan tingkah laku seseorang bukan sekadar melibatkan penyebaran maklumat semata-mata.

Satu cara mudah mendekati perubahan tingkah laku ialah untuk terlebih dahulu mengiktiraf bahawa seseorang yang terjejas akibat bencana mungkin telahpun memiliki tahap kesedaran tingkah laku berkaitan dengan kebersihan. Pengenalpastian tingkah laku yang telah dibentuk ini adalah penting semasa penilaian untuk memastikan bahawa tingkah laku tersebut dapat dikekalkan oleh komuniti yang terjejas.

Seterusnya, penilaian halangan dan pendorong adalah penting – ia tidak semestinya seperti yang anda fikirkan!

Pengumpulan maklumat mengenai pendorong yang boleh mencetuskan perubahan di kalangan penduduk terjejas adalah diperlukan, semasa proses penilaian.

- ↳ **Pendorong:** apa sahaja yang akan mendorong orang untuk mengamalkan tingkah laku kebersihan yang betul. Dengan perkembangan dalam pelbagai bidang seperti psikologi, antropologi dan sains pemasaran, telah dibuktikan bahawa kebanyakan manusia tanpa mengira konteks fizikal, budaya dan sosial, mempunyai persamaan dalam motivasi dan emosi. Pendorong-pendorong tersebut boleh dikategorikan sebagai:

Pendorong	Kecenderungan	Contoh
<b>Rasa jijik (Disgust)</b>	Kecenderungan untuk menjauhi dari objek dan situasi yang membawa risiko penyakit.	Najis, air kencing, cecair badan dan bahan yang reput atau sudah mati adalah perkara yang menjijikkan secara umumnya. Bagi sesetengah orang, najis yang berbau busuk dan kelihatan tidak menyenangkan sudah cukup sebagai dorongan untuk mencuci tangan.

**Langkah 3** Menganalisis Halangan dan Pendorong untuk Perubahan Tingkah Laku

			PENGENALAN
			LANGKAH 1
			LANGKAH 2
<b>Status</b>	Kecenderungan berusaha untuk mengoptimumkan kedudukan sosial.	Seseorang yang kelihatan bersih akan dikagumi dan dihormati manakala orang yang dilabel ‘pengotor’ sering dianggap memalukan dan patut dijauhi.	
<b>Hubungan (Affiliation)</b>	Kecenderungan untuk menyesuaikan diri dalam komuniti dan mendapat faedah kehidupan sosial.	Menjadi ahli masyarakat yang baik dengan menyertai dan mengikuti apa yang dilakukan oleh orang lain adalah motif penting untuk mengamalkan tingkah laku kebersihan. Ini membantu memastikan keahlian dalam kumpulan sosial tertentu. Penyesuaian diri dengan norma sosial adalah salah satu pendorong tingkah laku yang kuat.	LANGKAH 3
<b>Daya tarikan (Attraction)</b>	Kecenderungan untuk tertarik kepada dan keginginan menarik, untuk mendapat pasangan bermilai tinggi.	Dalam sesetengah budaya, kebersihan adalah satu seni yang menawan. Walau bagaimanapun, dalam komuniti yang mempunyai nilai kesederhanaan dan kesucian, dorongan ini mungkin sukar dibincangkan.	LANGKAH 4
<b>Pemupukan (Nurture)</b>	Kecenderungan untuk mengambil berat terhadap keturunan (atau anak-anak).	Ibu bapa, terutamanya ibu, akan meletakkan kepentingan anak terlebih dahulu. Ibu akan rasa bertanggungjawab terhadap tugas untuk memastikan kefungsian sesebuah keluarga itu berjalan lancar, untuk memastikan anak membesar dengan baik. Perasaan ini akan lebih menonjol ketika waktu kecemasan.	LANGKAH 5 LANGKAH 6 LANGKAH 7 LANGKAH 8

<b>Keselesaan (Comfort)</b>	Kecenderungan untuk menempatkan kulit mereka bebas daripada diri di tempat yang mempunyai keadaan fizikal yang optimum.	Orang sangat menghargai apabila bahan-bahan yang menjijikkan dan menikmati kebersihan persekitaran. Keadaan yang bersih ini bukan sahaja dari segi fizikal namun juga segi mental diumpama sebagai keselesaan dalam, kesegaran, rasa serba-sedia, keyakinan dan kesucian.
<b>Ketakutan (Fear)</b>	Kecenderungan untuk mengelak daripada objek dan situasi yang mempunyai risiko kecederaan atau kematian (perasaan takut terhadap masalah kesihatan yang tertentu telah digunakan dalam tindakan kecemasan sebelum ini yang berkaitan dengan penyakit yang mengancam nyawa seperti kolera, Ebola dan lain-lain).	Misalnya, terdapat laporan yang menyatakan bahawa amalan mencuci tangan yang betul telah meningkat semasa epidemik penyakit kolera (Uganda, Senegal, Kenya dan Peru). Walau bagaimanapun, orang melaporkan mereka kembali kepada amalan mencuci tangan dahulu selepas bahaya penyakit telah berlalu.

- Teknik-teknik penilaian seperti FGD dan wawancara pemaklum utama (*key informant interview*) yang mendalam boleh menawarkan pemahaman yang baik mengenai pendorong dan emosi yang boleh ditimbang dalam pelan perubahan tingkah laku. Ini akan mempengaruhi pemilihan aktiviti promosi dan pembentukan pesanan kebersihan.

**Langkah 3** Menganalisis Halangan dan Pendorong untuk Perubahan Tingkah Laku

Teknik penilaian yang disebutkan di atas juga perlu memberikan bukti tentang perkara-perkara yang menghentikan orang daripada mengambil tindakan:

- ↳ **Halangan:** apa sahaja yang menghalang orang daripada mengamalkan tingkah laku kebersihan yang betul seperti; halangan fizikal – akses kepada kemudahan seperti sabun, air, tandas yang sesuai; halangan sosial – norma dan adat resam, kekurangan kepercayaan terhadap kerja-kerja dan maklumat berkaitan dengan kesihatan; halangan biologi – keadaan mental. Jadual di bawah menerangkan pelbagai halangan secara terperinci.

- |   |  |
|---|--|
| <b>Halangan<br/>sosio-<br/>budaya<br/>(Socio-<br/>cultural<br/>barrier)</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>↳ Dalam sesetengah budaya, amalan kebersihan seperti mencuci tangan dengan sabun mungkin dielakkan kerana pelbagai tradisi dan kepercayaan tempatan; seperti sabun yang dianggap membawa nasib buruk, mengurangkan jangka hayat, melemahkan daya tahan tubuh terhadap penyakit luaran dan ilmu sihir, atau membahayakan wanita yang hamil atau sedang mengalami haid.</li> <li>↳ Kepercayaan seperti ini adalah khusus kepada budaya tempatan. Secara umumnya, orang tidak akan berkongsi kepercayaan mereka kepada penemubual, kecuali jika ditanya. Ini adalah kerana mereka mungkin akan dilabel sebagai orang yang percaya tahuyl, atau orang yang mempunyai syak wasangka yang tinggi.</li> <li>↳ Beberapa amalan kebersihan seperti mencuci tangan kadangkala dianggap sebagai amalan pada peringkat peribadi dan individu. Oleh itu, tindakan ini tidak dilihat sebagai kebiasaan sosial.</li> <li>↳ Hubungan antara jantina mempengaruhi bagaimana air diagihkan kepada ahli keluarga yang berbeza dan apabila terdapat kekurangan air, golongan tertentu seperti wanita, kanak-kanak, orang tua dan lain-lain mungkin tidak akan mendapat kuantiti air yang sama.</li> </ul> |
|---|--|

- Halangan fizikal (Physical barrier)**
- ↳ Faktor-faktor fizikal yang menjelas amalan tingkah laku kebersihan utama semasa kecemasan termasuk air, sabun dan tandas.
  - ↳ Akses kepada air yang mencukupi adalah salah satu kekangan utama semasa kecemasan. Apabila perkhidmatan disediakan, bekalan air yang tidak konsisten dan masa yang lama untuk beratur mungkin menjadi masalah bagi sesetengah orang. Sumber air khusus untuk mencuci tangan perlu diletakkan berhampiran dengan tandas.
  - ↳ Sabun biasanya tidak dapat disediakan pada permulaan kecemasan. Selepas diedarkan, sabun mungkin masih sukar untuk diakses kerana penggunaan mungkin diterhadkan oleh sesetengah ahli keluarga, untuk mengelakkan daripada pembaziran, kekotoran atau dimakan oleh haiwan. Ini harus diperhatikan kerana kemudahan untuk menggunakan adalah penting. Dengan adanya sabun berhampiran tandas atau dapur, orang digalakkan untuk mencuci tangan dengan lebih kerap, berbanding dengan ketiadaan sabun di persekitaran atau perlu pergi ke tempat lain untuk mencari sabun dan mencuci tangan mereka.
  - ↳ Akses kepada tandas bersih yang mencukupi semasa kecemasan adalah satu cabaran yang besar. Tandas awam atau tempat pembuangan najis yang disediakan pada permulaan operasi kecemasan mungkin sangat jauh, sukar untuk dijaga dan bukan pilihan untuk golongan terdedah seperti wanita, kanak-kanak dan mereka yang mempunyai mobiliti terhad.
- Halangan biologi (Biological barrier)**
- ↳ Kebiasaannya, ibu dan penjaga sangat sibuk untuk mendapatkan perlindungan dan barang bantuan semasa kecemasan. Perkara seperti ini lebih penting untuk diutamakan dan menyebabkan masa yang terhad untuk kebersihan diri dan domestik.
  - ↳ Pada permulaan kecemasan, ibu dan penjaga mungkin terlalu lelah dari segi fizikal dan emosi untuk memberi tumpuan kepada perkara bukan keutamaan yang mungkin tidak dipandang sebagai penting untuk kelangsungan hidup (seperti air, makanan dan tempat berteduh).

**Langkah 3 Menganalisis Halangan dan Pendorong untuk Perubahan Tingkah Laku**

Jadual di bawah adalah satu contoh peralatan perancangan yang dapat mencari dan menganalisis halangan dan pendorong untuk kumpulan sasaran yang khusus dan sebab-sebab untuk tingkah laku yang sebenar.

**Contoh peralatan untuk menganalisis halangan dan pendorong**

Kumpulan sasaran	Tingkah laku	Halangan	Pendorong	Pendekatan untuk mengurangkan halangan	Pendekatan untuk meningkatkan pendorong
Wanita mengandung	Tidak menggunakan sabun untuk mencuci tangan dan membasuh badan	Halangan sosio-budaya: Kepercayaan bahawa sabun membawa nasib malang dan menyebabkan keguguran	Memupuk: Keinginan untuk melindungi kanak-kanak	Membasmi tanggapan yang salah mengenai penggunaan sabun dengan bantuan atau sokongan daripada pemimpin komuniti/ pekerja kesihatan	Penekanan bahawa 'ibu yang baik' adalah orang yang membasuh tangan dengan sabun, melalui penggunaan filem/imej
		Halangan fizikal: Tiada sabun	Hubungan: Keinginan untuk menyesuaikan diri dan diterima oleh orang lain sebagai ibu yang baik	Mengedarkan sabun	Mempromosikan idea bahawa semua orang melakukannya

Analisis faktor-faktor yang menghalang penerimaan amalan yang selamat perlu dilakukan bersama dengan ahli-ahli komuniti dan pihak berkepentingan yang berkaitan.

### Halangan kepada perubahan tingkah laku

Ingat bahawa faktor-faktor yang menghentikan seseorang dari bertindak dengan selamat tidak selalu berkaitan dengan kekurangan pengetahuan mengenai teori kuman atau cara penyebaran penyakit. Kebiasaannya, halangan tersebut berkaitan dengan faktor sosio-budaya (dalam sesetengah budaya, wanita dan ayah mertuanya tidak boleh berkongsi tandas yang sama), keagamaan (kedudukan kemudahan tertentu) atau fizikal (ketiadaan kemudahan atau akses kepada kemudahan).

Andaian bahawa sesebuah komuniti tidak mempunyai pengetahuan tidak boleh dibuat. Mereka mungkin mempunyai cara pemahaman yang berbeza. Ia adalah tugas promoter kebersihan untuk berbincang dengan komuniti, dan membuat analisis mengenai cara mereka berfikir, sehubungan dengan apa mereka ketahui.

Promoter kebersihan harus cuba mengurangkan halangan dan membina pendorong.



**S:** Menjalankan analisis halangan dan pendorong semasa kecemasan memerlukan masa dan ini mungkin tidak dijadikan keutamaan oleh pengurus, jurutera dan ketua pasukan. Bagaimanakah promoter kebersihan boleh meyakinkan mereka bahawa langkah ini penting?

**J:** Analisis halangan dan pendorong untuk promosi kebersihan harus dilakukan secara sebahagian daripada penilaian umum dan bukan sebagai langkah berasingan. Dengan menggunakan sumber yang sama, promoter kebersihan harus membuat beberapa kesimpulan asas dari penilaian dan memahami faktor mana lebih bernilai daripada yang lain untuk

**Langkah 3** Menganalisis Halangan dan Pendorong untuk Perubahan Tingkah Laku

mempromosikan tingkah laku kebersihan yang selamat. Mereka harus diberi galakan oleh rakan sekerja dan ketua pasukan untuk mengambil masa dalam membuat penilaian dan perancangan yang lebih meluas, merangkumi konsep seperti pendorong dan halangan.



## LANGKAH 4

### MERUMUSKAN OBJKTIF PERUBAHAN TINGKAH LAKU KEBERSIHAN



## Langkah 4: Merumuskan Objektif Perubahan Tingkah Laku Kebersihan



Langkah seterusnya dalam proses adalah menetapkan objektif. Setelah pelbagai risiko dan masalah utama telah dikenal pasti (Langkah 1), dan pengutamaan kumpulan di kalangan penduduk sasaran, pemahaman siapa yang berpengaruh dan cara-cara mereka berkomunikasi (Langkah 2), promoter kebersihan perlu bekerjasama dengan komuniti, jurutera dan pihak berkepentingan utama yang lain (contohnya pihak kerajaan) dan mempertimbangkan:

- ↙ Adakah terdapat mekanisme mengatasi (*coping mechanism*) yang sedia ada?
- ↙ Apakah keupayaan yang dimiliki komuniti itu?
- ↙ Apakah bantuan yang diberikan oleh pihak lain?
- ↙ Apakah jurang yang ada?

Objektif-objektif untuk pelan promosi kebersihan boleh dikaitkan dengan tingkah laku kebersihan (seperti meningkatkan amalan mencuci tangan pada masa tertentu) atau faktor yang membolehkan (contoh, adanya kemudahan mencuci tangan dengan sabun) justeru para jurutera perlu menjadi sebahagian daripada proses tersebut. Sebagai contoh, objektif operasi dan penyelenggaraan tertentu perlu dimasukkan dalam perancangan (contohnya untuk melibatkan penduduk terjejas dalam penyelenggaraan tandas dan sistem air).

Perumusan objektif tingkah laku kebersihan bermaksud penetapan hala tuju yang khusus untuk aktiviti promosi kebersihan bagi memberi tumpuan kepada perkara-perkara penting yang membolehkan orang mengubah tingkah laku. Halangan perlu dikurangkan dan pendorong harus ditingkatkan (berdasarkan analisis yang dilakukan pada Langkah 4).

Objektif-objektif ini perlu dihubungkaitkan dengan objektif yang terdapat di dalam Pelan Tindakan IFRC ([IFRC Plan of Action \[PoA\] template](#)) dan [senarai aktiviti WASH](#) untuk kecemasan. Objektif dan aktiviti yang dipilih oleh promoter kebersihan mungkin tidak bersamaan tetapi ia akan memberi panduan dan struktur kepada pasukan promosi kebersihan untuk menjalankan aktiviti di lapangan dan kepada pengurus/atau penyelia mereka. Kadang kala objektif untuk promosi kebersihan dalam rangka kerja logik (*logframe*) untuk perancangan NS, IFRC PoA atau ERU mungkin agak umum, pendek dan ringkas tetapi langkah ini menyokong promoter kebersihan yang mengambil masa tepat untuk merancang objektif mereka sendiri dan mengembangkan rancangan yang menyeluruh dan terperinci.



S: Apakah yang anda perlu lakukan sekiranya didapati tahap pengetahuan adalah tinggi, tetapi amalan kebersihan masih tidak selamat? Sebagai contoh, orang tahu kaedah-kaedah penularan cirit-birit, tetapi tidak mencuci tangan pada masa kritikal.

J: Mengetahui sebab-sebab utama sesuatu masalah adalah penting. Pengetahuan tidak sama dengan tindakan. Ini mungkin disebabkan oleh kekurangan sumber – contohnya, ketiadaan sabun. Adakah apa-apa yang berubah sejak bencana berlaku? Adakah lelaki dan wanita perlu berkongsi tandas semasa kecemasan? Amalan ini mungkin tidak diterima oleh

**Langkah 4** Merumuskan Objektif Perubahan Tingkah Laku Kebersihan

sesetengah budaya. Jika maklumat yang diterima daripada penilaian pantas tidak mencukupi atau kurang jelas, maklumat tambahan perlu dikumpul dengan menggunakan pelbagai kaedah mengikut golongan orang yang berbeza dan disesuaikan dengan objektif tingkah laku kebersihan.



## LANGKAH 5 PERANCANGAN



## Langkah 5: Perancangan



Langkah seterusnya adalah untuk menyepadukan kesemua elemen yang telah dikenal pasti dalam langkah-langkah sebelumnya: risiko utama (Langkah 1), kumpulan sasaran utama (Langkah 2), pendorong/halangan (Langkah 3) dan, objektif (Langkah 4). Langkah 5 dalam perancangan adalah untuk mendokumentasikan dengan betul langkah-langkah sebelumnya dan membentuk satu rangka kerja yang merangkumi semua elemen diatas. Selain itu, aktiviti-aktiviti spesifik perlu dihubungkaitkan dengan kaedah dan peralatan, sumber-sumber yang diperlukan (kewangan dan tenaga manusia) dan satu pelan pemantauan dan penilaian (*monitoring and evaluation [M&E]*).

Pelan promosi kebersihan tidak seharusnya tertumpu kepada pasukan promoter kebersihan sahaja. Pelan ini akan lebih berkesan apabila pasukan promoter kebersihan bekerjasama dengan pihak yang lain; jurutera (yang merancang dan melaksanakan perkakasan seperti tandas, air dan kemudahan mencuci), komuniti yang terjejas, kerajaan tempatan, agensi-agensi lain, kakitangan NS dan sebagainya. Objektif tingkah laku kebersihan telah ditetapkan mengikut masalah-masalah yang dikenal pasti untuk kumpulan sasaran yang berbeza berserta dengan pendorong dan halangan. Objektif-objektif ini akan menjadi asas kepada perancangan. Pendekatan dan kaedah mesti dipilih untuk mencapai objektif-objektif ini.

Pasukan promosi kebersihan mungkin memberi tumpuan mendalam kepada pembentukan pelan promosi kebersihan sendiri, tetapi mereka juga perlu menyumbang kepada proses perancangan yang lain seperti:

- a. Melengkapkan rangka kerja logik atau PoA dalam operasi WASH keseluruhan dengan menggabungkan pelan pemantauan dan pelan promosi kebersihan
- b. Menyediakan dan melaksanakan tinjauan dasar
- c. Merekut ahli pasukan promosi kebersihan
- d. Mereka bentuk kaedah, peralatan dan bahan-bahan
- e. Merintis dan pra-udi bahan dan kaedah

#### **a. Melengkapkan rangka kerja logik dengan pelan pemantauan**

Pasukan WASH hendaklah menyusun bersama rangka kerja logik atau PoA yang bersepada – iaitu perkakasan (*hardware*) dan *software* – untuk program WASH semasa kecemasan sebagai satu peralatan untuk memberi panduan dalam melaksanakan program; termasuk aktiviti promosi kebersihan, aktiviti membina perkakasan – contoh: kemudahan-kemudahan WASH dan barangang bukan makanan (NFI) yang diperlukan.

Pelan pemantauan mesti dibuat sebagai sebahagian daripada proses perancangan. Penunjuk (*indicator*) membentuk asas kepada pemantauan dan seharusnya memberi gambaran yang jelas terhadap perubahan yang diperlukan dan oleh siapa. Senarai penuh penunjuk boleh didapati [di sini](#).

Penunjuk-penunjuk tersebut harus berdasarkan konsep SMART: khusus (*Specific*), boleh diukur (*Measurable*), boleh dicapai (*Achievable*), berhubung-kait (*Relevant*) dan tertakhluk kepada masa (*Time-bound*). Penunjuk dikaitkan dengan hasil (*outcome*) dan keluaran (*output*). Pemilihan penunjuk dan kaedah mengukur akan berubah menurut konteks, tetapi setiap penunjuk harus mempunyai kumpulan sasaran. Penunjuk seharusnya berdasarkan standard-standard Sphere dan kebangsaan yang lain, sebaik mungkin. Pemantauan patut dibuat untuk mengukur perubahan semasa pelaksanaan, atau kegagalan yang berlaku

**Langkah 5 Perancangan**

supaya perubahan kepada aktiviti boleh dibuat secepat mungkin. Pelbagai peralatan ringkas boleh digunakan untuk pemantauan agar maklumat dapat dikumpulkan dengan pelbagai cara.

**Contoh sebahagian logframe (dari Buku Panduan British RC MSM)**

Akibat/Hasil	Penunjuk	Cara pengesahan
Lelaki, wanita dan kanak-kanak di kalangan (X no.) penduduk sasaran, mempunyai akses yang mencukupi dan menggunakan secara optimum kemudahan sanitasi dan kebersihan, serta mengambil tindakan-tindakan yang efektif bagi menjaga diri daripada ancaman kesihatan awam.	<ul style="list-style-type: none"> <li>↳ Kawasan sekitar lingkungan X meter dalam kawasan kediamaan dan punca air bebas daripada kumuhan yang boleh dilihat pada akhir Fasa 1.</li> <li>↳ X% daripada penduduk sasaran menggunakan tandas sanitasi<sup>3</sup> (<i>sanitary latrine</i>) pada akhir Fasa 1.</li> <li>↳ X% daripada tandas didapati bersih semasa pemeriksaan mengejut.</li> <li>↳ X% daripada kumpulan sasaran membasuh tangan dengan menggunakan sabun/bahan alternatif pada akhir Fasa 1.</li> </ul>	<p>Jalan tinjauan (<i>exploratory walk</i>)</p> <p>FGD</p> <p>Maklumat daripada organisasi-organisasi yang lain</p> <p>Tinjauan</p> <p>Peralatan pemantauan komuniti (<i>community monitoring tool</i>)</p>

<sup>3</sup> *Sanitary latrine* merujuk kepada kemudahan tandas yang tidak mencemarkan sumber air bawah tanah atau permukaan, yang tidak mencemarkan tanah sekelling, yang tidak terbuka kepada lalat, tikus atau binatang lain dan yang tidak menyebabkan bau busuk.

## b. Tinjauan Dasar

Setelah kumpulan sasaran dan perancangan program telah dipersetujui, tinjauan dasar perlu dibuat bagi mengetahui keadaan semasa dan untuk membolehkan pengukuran impak program yang dilaksanakan. Ini merupakan titik permulaan bagi pemantauan kegiatan promosi kebersihan. Tinjauan dasar akan dibentuk berdasarkan penunjuk-penunjuk yang telah dikenal pasti pada fasa perancangan. Soal selidik tinjauan dasar (*baseline*) dan tinjauan akhir (*end-line*) akan menjadi asas kepada penilaian impak intervensi. Tinjauan dasar harus mengumpul maklumat yang diasingkan mengikut jantina, umur dan kelainan upaya – termasuk kaum/kasta mengikut kesesuaian.

- **Reka bentuk soal selidik untuk wawancara isi rumah:** Soal selidik tinjauan dasar dibina berdasarkan penunjuk. Hanya masukkan perubahan yang ingin dicapai – setiap soalan mesti dikaitkan secara langsung dengan penunjuk. Gunakan kaedah pemerhatian (contohnya: tempat simpanan air, tempat mencuci tangan atau tandas) di mana boleh dan elakkan soalan tertutup (soalan yang memberi jawapan Ya/Tidak). Soal selidik mestilah ringkas dan mudah yang mempunyai 10 hingga 15 soalan sahaja. Pastikan soal selidik diterjemah, diterjemah-balik dan disemak untuk ketepatan. Sekiranya boleh dan sesuai dengan konteks, soal selidik mudah alih digital boleh juga digunakan.
- **Pensampelan:** Pensampelan mudah secara rawak merupakan pendekatan yang terbaik untuk digunakan, supaya setiap subjek dalam kerangka pensampelan mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih. Bagi semua saiz penduduk, pensampelan secara rawak sekitar 150 isi rumah biasanya mencukupi. Sekiranya pensampelan secara rawak tidak digunakan, maka saiz pensampelan perlu ditambah. Pendekatan yang paling mudah adalah dengan menggunakan pensampelan mengikut

kawasan secara rawak<sup>4</sup>. Untuk maklumat lanjut dan panduan berkaitan dengan pensampelan, sila rujuk kepada [IFRC ERU-MSM sampling document](#).

- ✓ **Pelaksanaan tinjauan:** Bekerjasama dengan NS untuk mendapatkan akses kepada komuniti, termasuk memaklum dan mendapat persetujuan daripada komuniti serta kebenaran daripada pihak berkuasa dan angkatan bersenjata. Pastikan semua hal logistik tersusun dan keselamatan diambil kira. Pastikan anda tidak meletakkan risiko kepada sukarelawan dan penduduk sasaran dengan melibatkan mereka dalam tinjauan itu. Soal selidik tinjauan seharusnya digunakan tanpa meletakkan nama. Pastikan ahli pasukan diberi latihan dalam pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif serta melibatkan mereka agar mereka faham proses yang dijalankan. Untuk wawancara isi rumah, fikirkan siapa yang hendak disoal – ketua keluarga, penjaga atau wanita berumur antara 15–49 tahun? Jalankan tinjauan rintis untuk memastikan soalan yang dipilih adalah jelas dan sesuai, dan kaedah pensampelan berkesan. Catatkan semua kaedah yang digunakan supaya kaedah yang sama boleh digunakan dalam tinjauan akhir. Tinjauan akhir harus menjadi ulangan tinjauan dasar setakat mana yang boleh dengan menggunakan soalan dan pendekatan pensampelan yang sama. Dokumentasikan keputusan dan berikan maklum balas kepada pasukan, pengguna (contohnya, pasukan WASH, NS, organisasi-organisasi lain) dan penduduk yang terjejas.

### c. Merekrut ahli pasukan promosi kebersihan

Mengenal pasti kakitangan dan sukarelawan yang sesuai untuk promosi kebersihan adalah penting untuk keberkesanannya program promosi kebersihan. Sistem sukarelawan NS yang sedia ada mungkin sudah memadai, akan tetapi pasukan tersebut perlu

---

<sup>4</sup> Sampel setiap N<sup>th</sup> isi rumah. N = selang pensampelan = (Bil. rumah/atau khemah di dalam populasi yang dikenalpasti dibahagi dengan nombor rumah/khemah yang perlu diambil sampel. Permulaan rawak adalah nombor secara rawak antara 1 hingga N.

dikembangkan bergantung kepada konteks semasa bertindak balas kepada kecemasan.

Struktur pasukan promosi kebersihan bergantung kepada konteks, seperti skala kecemasan, keupayaan, keperluan, risiko dan penglibatan pasukan ERU. Salah satu model adalah:

- ↳ **Penyelaras promosi kebersihan** (mungkin wakil delegate daripada ERU ataupun seseorang daripada NS)
- ↳ **Promoter kebersihan** – yang menguruskan pasukan
- ↳ **Penggerak komuniti** (*community mobilizer*) atau pekerja temu seru (*outreach workers*) yang berasal dari komuniti yang terjejas untuk bekerjasama dengan sukarelawan peringkat komuniti
- ↳ **Sukarelawan peringkat komuniti** – untuk bekerjasama dengan jawatankuasa komuniti seperti jawatankuasa WASH

Bilangan kakitangan dan sukarelawan pada setiap peringkat adalah bergantung kepada konteks. Contohnya, sekiranya jumlah penduduk dengan pelbagai risiko adalah tinggi, maka lebih ramai sukarelawan akan diperlukan pada peringkat komuniti. Untuk perancangan dan penyeliaan pada lazimnya cadangan diberi untuk mempunyai 7–10 orang dalam satu pasukan.

Sesetengah NS mempunyai Dasar Pengurusan Sukarelawan (*Volunteer Management Policy*). Dasar tersebut mungkin mempunyai bahagian khas untuk tindakan semasa kecemasan, tetapi pada umumnya memberi panduan mengenai elauan harian (*per diem*), bilangan hari bekerja dalam seminggu, jenis sukarelawan, perekrutan, pengekalan dan pendorongan.

Isu saraan dan ganjaran untuk kakitangan dan sukarelawan mesti dirancang dalam proses perekrutan dan pemilihan pasukan, dan dengan koordinasi IFRC dan pasukan RCRC lain yang beroperasi dalam kawasan yang sama. Ini seharusnya diketuai oleh NS, dengan pihak berkepentingan yang lain, dan koordinasi dengan

organisasi lain yang bekerja dalam kawasan yang sama. Dasar pengurusan sukarelawan sangat berguna bagi membina rangka kerja eluan harian untuk intervensi promosi kebersihan.

Perihal kerja (*job description*) yang jelas sebelum perekrutan kakitangan dan sukarelawan perlu dianjurkan oleh/dengan NS dan dipersetujui oleh semua pihak berkepentingan. Perihal kerja harus mempunyai senarai-senarai kemahiran utama dan kecekapan, dan mungkin perlu diterjemahkan sekiranya bekerja dalam konteks di mana bahasa yang berbeza digunakan, contohnya pelarian dari negara lain.

Dalam respons kecemasan adalah sangat mencabar untuk mendapatkan kakitangan dan sukarelawan berkelayakan dari cawangan tempatan NS. Garis panduan umum IFRC terhadap penglibatan sukarelawan and belia boleh didapati [di sini](#).

Pastikan sukarelawan NS mempunyai insurans. Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi [insurance.unit@ifrc.org](mailto:insurance.unit@ifrc.org).

#### **d. Mereka bentuk kaedah, peralatan dan bahan-bahan promosi kebersihan**

##### **Pemilihan pendekatan dan kaedah**

Adalah penting untuk memilih pendekatan dan kaedah yang bersesuaian untuk promosi kebersihan; memastikan ia sesuai untuk kumpulan sasaran, konteks dan kemudahan perkakasan. Analisis terhadap halangan dan pendorong dalam Langkah 3 perlu memaklumkan pemilihan pendekatan / kaedah promosi dan pembentukan pesanan dan bahan sokongan IEC. Adalah penting untuk pendekatan yang bertumpu kepada ‘membolehkan sesebuah komuniti’, membantu mereka untuk bersetuju ke atas tindakan komuniti dan memudahkan pelaksanaan tindakan-tindakan tersebut; dan bukan sekadar ‘hanya melaksanakan program promosi kebersihan’ yang sering diterjemah sebagai

pasukan promosi kebersihan memberitahu komuniti apa yang harus dilakukan, atau mendidik komuniti dengan pesanan yang biasa, seolah-olah mereka yang lebih tahu; cara pendekatan ini jarang berkesan.

Pelaksanaan rundingan yang berasingan dengan golongan wanita dan golongan yang terdedah (orang kurang upaya, transgender, dan lain-lain) mungkin diperlukan kerana mereka berkemungkinan berasa tidak selesa berkongsi maklumat dalam kumpulan yang besar.



### **Perkara-perkara utama untuk kaedah perancangan mempromosikan kebersihan:**

- Pastikan kaedah-kaedah yang digunakan untuk promosi kebersihan **adalah berkaitan dengan objektif tingkah laku kebersihan (dalam Langkah 4)**, matlamat keseluruhan, dan konteks, berdasarkan risiko yang dikenal pasti dalam penilaian.
- Pastikan kaedah yang digunakan mempertimbangkan **halangan dan pendorong yang bersesuaian dengan konteks (Langkah 3)**, berdasarkan penemuan dalam penilaian (Langkah 1), terhadap menggalakkan tingkah laku yang sihat.
- Gunakan **kombinasi kaedah** dengan peralatan komunikasi yang berbeza yang boleh digunakan untuk tujuan berbeza (meningkatkan kesedaran, berkongsi pengetahuan, mempengaruhi dan memberi inspirasi, membuat keputusan, dan lain-lain).
- **Beri tumpuan kepada kumpulan sasaran yang dikenal pasti dalam Langkah 2.**
  - Apabila mereka bentuk kaedah, peralatan dan bahan, beri tumpuan kepada kumpulan sasaran, libatkan komuniti dalam pemilihan kaedah dan peralatan yang paling sesuai dengan keadaan mereka.

**Langkah 5 Perancangan**

- Pertimbangkan risiko-risiko kesihatan awam, dan pilih kaedah yang bersesuaian untuk kumpulan sasaran yang berbeza. Misalnya, bagi kanak-kanak berumur bawah lima tahun yang mempunyai risiko lebih tinggi untuk dijangkiti penyakit cirit-birit, libatkan ibu dan penjaga mereka dalam aspek mencuci tangan pada masa yang sepatutnya (contoh: selepas menggunakan tandas dan sebelum memberi makanan kepada kanak-kanak) dan juga libatkan kanak-kanak dalam aktiviti-aktiviti yang interaktif (seperti permainan, boneka, badut dan drama) untuk mempromosikan pengamalan mencuci tangan. Permainan papan seperti ‘Ular dan Tangga’ (*Snakes and Ladders*) yang sangat popular di kalangan kanak-kanak (di mana ular ‘menurun tangga’ untuk tingkah laku negatif – contoh: buang air besar di kawasan terbuka, atau ‘naik tangga’ untuk tingkah laku positif – contoh: tahu masa tepat untuk mencuci tangan). Mereka akan lebih cenderung untuk mengikut apa yang mereka suka atau jika mereka dilibatkan berbanding dengan hanya apa yang mereka dengar.

**• Fokus kepada kaedah-kaedah penyertaaan**

- Kaedah promosi kebersihan sepatutnya tidak sahaja melibatkan pemberian ‘pesanan kebersihan’ semata-mata. Teknik penglibatan, contohnya kaedah penyusunan tiga longgok yang menggalakkan perbahasan berbanding dengan penyampaian pesanan semata-mata. Matlamatnya adalah untuk mengenal pasti masalah dan bersetuju dengan kaedah-kaedah penyelesaian melalui kerjasama dan penglibatan komuniti.

**• Pilih saluran komunikasi yang sesuai**

- Melalui saluran yang dipercayai; terdapat individu-individu tertentu (contoh: orang yang berpengaruh) atau saluran-saluran yang mana orang percaya dan tidak percaya (maklumat ini perlu dikumpulkan dalam Langkah 2 untuk memahami tabiat komunikasi manusia) – ini dikhususkan kepada maklumat atau aktiviti.

- Berhubung dengan komuniti dalam keadaan terancang; contohnya, kebanyakan isi rumah mungkin memiliki radio, tetapi hanya digunakan oleh ahli keluarga tertentu sahaja. Faktor seperti itu hendaklah dipertimbangkan.
  - Sesuaikan kepada kumpulan sasaran, contohnya untuk kanak-kanak yang bersekolah – gunakan sesuatu yang sesuai dengan mereka seperti boneka atau drama.
  - Konteks kesesuaian budaya – dalam sesetengah konteks, tarian dan nyanyian boleh diterima, tetapi dalam sesetengah konteks yang lain, ia mungkin tidak bersesuaian.
  - Keseronokan/Penyertaan: orang mestilah berasa seronok dengan aktiviti yang dijalankan dan rasa terlibat, supaya dapat membincangkan maklumat secara komunikasi dua hala – bukan sekadar menghantar atau memberi pesanan.
- **Pilih lokasi yang sesuai**
    - Sekolah, kumpulan belia untuk kanak-kanak muda
    - Pusat komuniti setempat untuk mesyuarat berkumpulan
    - Kawasan senyap untuk FGD
  - **Kerjasama dengan jurutera supaya kaedah-kaedah promosi kebersihan berkaitan dengan perkakasan**
    - Bersama-sama dengan jurutera, kerjasama dengan kumpulan komuniti seperti jawatankuasa WASH untuk mengukuh dan mempromosikan penglibatan komuniti (contoh: penyelenggaraan kemudahan), pemilikan dan kelestarian.

---

Terdapat pelbagai metodologi promosi kebersihan yang dibahagikan disini kepada enam kumpulan. Penggunaan kombinasi kaedah-kaedah yang disenaraikan akan membantu mencapai semua lapisan sesebuah komuniti:

**Langkah 5 Perancangan**

**Komunikasi melalui media massa** (TV, radio, SMS, media sosial, risalah, dan lain-lain)

Pertimbangkan siapa yang mempunyai akses kepada jenis media yang digunakan dan kumpulan yang boleh dicapai. Sekiranya penggunaan telefon bimbit adalah satu kebiasaan dalam dalam populasi tersebut, maka akan memudahkan penyampaian pesanan segera melalui SMS, contohnya mengenai kolera. Media massa mungkin boleh membantu semasa peringkat awal tindakan kecemasan, namun komunikasi dua hala mesti ditekankan. Gunakan kaedah interaksi seperti panggilan dengan soalan ke rencana radio. Beberapa contoh baik penggunaan kaedah media massa dalam promosi kebersihan semasa kecemasan boleh dirujuk [di sini](#).

**Kegiatan komuniti:** (contoh: drama, lagu, bercerita, filem dan lain-lain), yang menumpukan amalan kebersihan utama seperti mencuci tangan. Contoh kegiatan khusus untuk kanak-kanak adalah persembahan boneka, badut dan permainan.

Pasukan daripada komuniti diberi latihan untuk memainkan persembahan dalam kumpulan komuniti yang kecil. Selain itu, persembahan pendek boleh didampingi dengan muzik dan lagu untuk dinyanyikan bersama-sama. Lebih idea boleh dirujuk [di sini](#).

<b>Kegiatan berkumpulan:</b> (contoh: alat bantuan visual seperti poster dan <i>flip chart</i> , <i>F diagram</i> /penyebaran penyakit cirit-birit, pemetaan komuniti, penyusunan tiga longgok, pengundian carta poket ( <i>pocket voting chart</i> ), permainan papan; kesemuanya berkaitan dengan perbincangan.	Pasukan promosi kebersihan yang dilatih dan penggerak komuniti bekerja dengan kumpulan pelbagai jenis dan saiz, bergantung kepada aktiviti dan konteks. Ini diambil daripada kit peralatan PHAST dan CLTS (rujuk di bawah untuk maklumat mengenai PHAST dan CLTS), tetapi perlu disesuaikan mengikut konteks kecemasan, untuk dilaksanakan dengan lebih pantas.
<b>Kenal pasti dan kerjasama melalui pejuang komuniti (community champion)</b>	Keluarga/individu yang mempunyai pengaruh dalam komuniti dan mempunyai tabiat amalan kebersihan yang positif boleh dijadikan teladan kepada ahli komuniti yang lain. Pejuang komuniti ini boleh digunakan untuk mempengaruhi amalan positif dan dilibatkan dalam kegiatan promosi kebersihan.
<b>Komunikasi peribadi:</b> lawatan rumah ke rumah, perbincangan berkumpulan	Bekerjasama dengan sukarelawan (contoh: sukarelawan NS), penggerak komuniti, pemimpin komuniti, pemimpin agama, dan lain-lain.

**Pendorong (*nudging*)**

Pendorong adalah isyarat persekitaran yang melibatkan proses membuat keputusan di luar kesedaran untuk mengalakkan perubahan tingkah laku. Contoh pendorong: (1) menyambungkan tandas ke kawasan mencuci tangan dengan menggunakan laluan berturap yang dicat dengan warna-warna yang terang; (2) mengecat jejak kaki (*footprints*) pada laluan jalan kaki sebagai panduan kepada pengguna ke kawasan mencuci tangan; (3) meletakkan cermin di tempat mencuci tangan.

**Metodologi sedia ada/semasa yang digunakan oleh NS**

Penyesuaian metodologi promosi kebersihan mungkin lebih mudah melalui kaedah yang sedang digunakan oleh NS dan pihak berkuasa kesihatan tempatan. Kebaikan menyesuaikan kaedah tersebut adalah sukarelawan/NS sudah mempunyai pengetahuan menggunakan kaedah ini (lalu mengurangkan keperluan latihan untuk sukarelawan) dan mereka boleh menggunakan bahan promosi kebersihan yang sedia ada (yang telah disesuaikan dengan budaya komuniti tempatan) dan kegiatan boleh dilaksanakan dengan serta-merta (mengurangkan masa untuk pra-uji). Walau bagaimanapun, pada lazimnya kaedah-kaedah seperti ini menggunakan proses dengan jangka masa yang panjang dan mungkin tidak sesuai semasa kecemasan apabila tindakan diperlukan dengan segera; oleh itu, penggunaan peralatan perlu disesuaikan.

- ↳ **CLTS** (Community-Led Total Sanitation): Sanitasi keseluruhan pimpinan komuniti adalah pendekatan yang sering digunakan oleh NS untuk menghapuskan tabiat pembuangan air besar

secara terbuka dengan mencetuskan ‘rasa jijik’ di kalangan masyarakat luar bandar. Ia merupakan dasar kerajaan yang digunakan oleh kebanyakan negara-negara Asia dan Afrika dan pelbagai NS menggunakan. Metodologi CLTS yang mengejutkan masyarakat supaya mengambil tindakan, mungkin tidak sesuai atau berguna selepas kejadian bencana. Begitu juga dengan penggunaan imej dan idea negatif yang harus dijalankan dengan berhati-hati terutamanya jika amalan baik wujud sebelum bencana dan halangan utama dikaitkan dengan kekurangan perkhidmatan atau perkakasan.

- **PHAST** (*Participatory Hygiene and Sanitation Transformation*): Transformasi kebersihan dan sanitasi secara penyertaan adalah satu pendekatan dengan matlamat meningkatkan tingkah laku kebersihan untuk mengurangkan penyakit cirit-birit dan menggalakkan pengurusan komuniti yang berkesan dalam perkhidmatan air dan sanitasi. Prinsip pendekatan ini adalah penyertaan komuniti dalam projek mereka sendiri, memperkuatkan dan melibatkan mereka dalam membuat keputusan tentang perkhidmatan yang mereka perlu, untuk diperbaiki atau dikenalkan. Peralatan PHAST boleh disesuaikan untuk digunakan dalam penilaian dan sebagai aktiviti penyertaan secara berkumpulan semasa pelaksanaan. Pelan tindakan komuniti boleh menjadi satu alat yang berguna untuk menggalakkan komuniti bekerjasama dan mengambil tindakan bagi memperbaiki situasi mereka.

### **Perkongsian maklumat dengan komuniti yang terjejas: JANGAN SEKADAR MENYEBARKAN INFORMASI – SEHARUSNYA BERKOMUNIKASI!**

Penyebaran maklumat massa dengan pesanan pada lazimnya tidak berkesan. Komunikasi dua hala akan lebih berkesan jika bekerjasama dengan komuniti, serta memberi mereka peluang untuk melibatkan diri dan berbincang. Gabungkan dengan kegiatan penyertaan (seperti pemetaan), masukkan maklumat

**Langkah 5 Perancangan**

yang praktikal untuk membolehkan komuniti yang terjejas mengambil tindakan menangani risiko-risiko kesihatan.

Pesanan-pesanan kebersihan kadang kala difahami sebagai bahan bercetak yang mengandungi pesanan grafik (secara bertulis atau bergambar). Pesanan kebersihan sebenarnya lebih daripada bahan bercetak. Semua kegiatan promosi kebersihan dibina ke dalam pesanan yang diutamakan atau yang difokuskan. Begitu juga peralatan penyertaan seperti pemetaan sentiasa dilakukan berdasarkan tema atau pesanan utama (contoh: gunakan tandas, jangan buang air besar di kawasan terbuka). Pesanan kebersihan secara umumnya dijana daripada keperluan untuk berkomunikasi secara ringkas kepada kumpulan sasaran.

Oleh sebab bahan cetakan dan visual sentiasa menjadi sebahagian dari kegiatan promosi kebersihan semasa kecemasan, adalah penting untuk memahami bagaimana pesanan boleh dicipta secara profesional. Dalam sesetengah situasi, pesanan akan disediakan oleh Kementerian Kesihatan, di mana pasukan promosi kebersihan tidak ada/kurang ruang untuk menukar isi pesanan yang dicetak. Walau bagaimanapun, dalam situasi sebegini, pesanan tersebut boleh diubahsuaikan mengikut konteks, dan pasukan promosi kebersihan disaran untuk meringkaskan pesanan: ini akan membantu membangunkan konsep, membentuk pesanan, dan merekaipa bahan untuk intervensi.

**Ringkasan pesanan hendaklah:**

**Mudah:** Gunakan perkataan-perkataan yang mudah dan biasa digunakan dalam bahasa/dialek tempatan untuk meningkatkan pemahaman. Cara anda menyatakan sesuatu boleh mengubah isi pesanan yang ingin disampaikan. Jangan bebankan mereka dengan maklumat yang terlalu banyak pada satu masa. Pesanan mesti sesuai dengan konteks dan keadaan semasa.

**Disesuai-khusus:** Kepada konteks budaya dan permasalahan kebersihan yang wujud pada ketika itu; gunakan pesanan yang tidak kasar atau menghina kepada komuniti, isu kebersihan mungkin sangat khusus. Maklumat perlu disesuaikan bagi setiap peringkat tindakan kecemasan dan dicipta selaras dengan pembangunan perkakasan.

**Boleh dilaksanakan:** Pesanan dan perubahan yang anda ingin cetuskan perlu boleh dilaksanakan. Sebagai contoh, tiada gunanya untuk menggalakkan komuniti untuk mengamalkan amalan mencuci tangan dengan sabun jika tiada akses kepada sabun.

**Tepat dan konsisten:** Berikan maklumat yang konsisten. Bekerjasama dan berkoordinasi dengan organisasi lain, pihak berkuasa kesihatan dan sebagainya untuk memastikan tidak ada sebarang percanggahan semasa proses pemberian maklumat.

**Campuran maklumat dengan pendorong emosi:** Menghubungkait dengan pendorong emosi boleh membawa kesan yang lebih tinggi daripada pesanan berasaskan maklumat yang mungkin sudah disedari. CLTS mempunyai beberapa pendorong emosi yang kuat mengenai perasaan jijik yang boleh disesuaikan. Pesanan harus memberi penekanan kepada manfaat keselesaan dan privasi.

**Penyertaan:** Ahli-ahli komuniti setempat mesti dilibatkan dengan penstrukturkan pesanan untuk memastikan penerimaan dan pemahaman pesanan tersebut. Ini juga akan membantu komuniti mengikut dan menyokong pesanan tersebut.

#### e. Merintis dan pra-uji bahan dan kaedah

Apabila metodologi telah dipersetujui, sediakan kakitangan/sukarelawan dan bahan-bahan. Sebagai contoh: rakaman untuk rencana radio, imej bercetak, alat-alat untuk permainan dan drama, gambar foto untuk undian carta poket dan sebagainya.

Adalah penting untuk merintis dan pra-uji setiap aktiviti dalam kumpulan kecil dari setiap kumpulan sasaran yang dikenal pasti pada Langkah 2 untuk memastikan kegiatan tersebut jelas dan boleh difahami; ini boleh dilakukan dengan kumpulan

**Langkah 5 Perancangan**

kecil sebelum menggunakannya dengan lebih meluas. Libatkan wakil kumpulan daripada kumpulan sasaran dalam pra-ujian (misalnya rencana radio, lagu, aktiviti berkumpulan) diikuti dengan perbincangan secara berkumpulan (dan/atau beberapa wawancara separa-struktur) untuk mengenal pasti perkara-perkara berikut:

- ↙ Pemahaman (visual dan pendengaran): Segala salah faham atau kesan yang tidak diingini harus dikenal pasti. Contoh: aspek skala dalam lukisan – satu gambar lalat besar mungkin tidak sesuai bagi sesetengah orang jika mereka tidak memahami skala.
- ↙ Ingat kembali perkara utama: Adakah kegiatan ini senang diingati? Komuniti hendaklah dapat mengingati dan menghuraikan semula maklumat atau apa yang mereka fahami daripada aktiviti tersebut.
- ↙ Pencetus tindakan: Adakah kegiatan ini mencetuskan apa-apa tindakan? Tanyakan kepada kumpulan apa yang akan mereka lakukan atau ubah selepas pra-ujian.
- ↙ Kehadiran unsur-unsur sensitif atau kontroversi: Bincangkan dengan ahli-ahli komuniti setempat untuk memastikan semua perkataan atau gambar rajah yang digunakan tidak menyinggung perasaan atau mengelirukan mereka.

Maklumat yang dikumpulkan semasa pra-ujian harus digunakan untuk menyesuaikan kegiatan. Pastikan terdapat keupayaan dalam belanjawan untuk penyediaan bahan tambahan kerana pra-ujian boleh mengenal pasti perubahan yang diperlukan dan keadaan serta keperluan mungkin berubah dengan cepat.



**S: Terdapat banyak kaedah, kaedah yang manakah yang paling berkesan?**

J: Pemilihan kaedah perlu dipadankan dengan kumpulan sasaran dan keperluan; tidak ada ‘kaedah yang terbaik’, kerana sesetengah kaedah akan bekerja dengan lebih baik dengan kumpulan dan konteks tertentu berbanding kepada yang lain. Sesetengah kaedah akan berfungsi dengan baik untuk kanak-kanak, dan yang lain lebih baik untuk orang dewasa. Adalah lebih baik untuk mempunyai pelbagai pilihan kaedah, sambil berinteraksi dengan masyarakat. Pra-ujikan kaedah untuk melihat kefungsiannya.


**S: Bagaimanakah boleh saya laksanakan pra-udi?**

J: Anda perlu memilih satu kumpulan kecil daripada kumpulan penerima untuk metodologi anda dan laksanakannya, seperti sesi yang sebenar. Sediakan terlebih dahulu beberapa soalan panduan untuk ditanyakan kepada komuniti mengenai unsur-unsur pemahaman dan kontroversi. Tanya soalan seolah-olah dalam perbincangan kumpulan tumpuan dan kumpulkan jawapan. Jangan lupa untuk menyiasat dan menyertakan kumpulan yang berlainan dalam pra-ujian kerana mereka mungkin mempunyai tanggapan yang berbeza.

## Langkah 5 Perancangan

**S:** Adakah saya perlu menunggu sehingga melengkapkan Langkah 1-5 untuk mengembangkan ringkasan pesanan saya?

**J:** Adalah disarankan untuk merangkumi beberapa elemen penting dalam Langkah 1-5 untuk membangunkan ringkasan pesanan dan membuat satu set bahan IEC yang berkesan untuk intervensi. Walaupun terdapat bahan-bahan daripada Kementerian Kesihatan, pasukan promosi kebersihan perlu memastikan bahawa bahan tersebut memenuhi kriteria-kriteria seperti mudah, disesuai-khusus, boleh dilaksanakan, tepat dan konsisten, mengandungi campuran maklumat dan pendorong emosi, dan membolehkan penyertaan komuniti.



A photograph showing a group of African children and adults gathered outdoors. In the center, a man wearing a yellow patterned shirt and brown pants is crouching. He has a mustache and is looking towards the camera. Behind him, several children are standing or sitting, some looking at the camera and others looking away. The background shows more people, including a woman in a colorful dress on the left and a man in a blue shirt on the right. The scene is set on a dirt ground under bright sunlight.

## LANGKAH 6 PELAKSANAAN



## Langkah 6: Pelaksanaan



Melengkapkan Langkah 1-5 adalah cara untuk memastikan perancangan aktiviti promosi kebersihan yang berkesan. Akan tetapi, oleh sebab ia merupakan tindakan kecemasan, pelaksanaan perlu bermula dengan secepat mungkin, sebaik sahaja semua pihak berkepentingan bersetuju dengan rancangan tersebut. Dalam kebanyakan konteks operasi RCRC, terdapat tekanan yang besar untuk memulakan fasa pelaksanaan, memandangkan beberapa tindakan segera perlu dilakukan pada permulaan kecemasan. Promoter kebersihan mungkin dapat meliputi dengan cepat beberapa unsur utama dalam Langkah 1-5 dan teruskan dengan pelaksanaan dengan serta-merta. Walau bagaimanapun pelan rancangan haruslah disemak dan pelaksanaan disesuaikan semula. Pra-ujian bahan dan kaedah mungkin menyebabkan beberapa penyesuaian dan adaptasi perlu dilakukan untuk memastikan mereka realistik dan sesuai.

### **Latihan pasukan promosi kebersihan**

Walaupun ia merupakan kecemasan dan terdapat desakan untuk bertindak dengan pantas, semua kakitangan dan sukarelawan perlu mempunyai latihan asas berkaitan cara bekerja/bersukarela untuk RCRC; ini termasuk pengetahuan, pemahaman dan cara-cara mempraktikkan Prinsip-Prinsip Asas RCRC, Kod Tatalaku dan standard kemanusiaan.

Oleh sebab tidak realistik untuk bermula dengan program latihan jangka panjang; mulakan dengan 1 hari untuk merangkumi perkara-perkara penting dan terus membina kemahiran dengan sesi latihan tambahan (contohnya, rancangkan dua jam untuk latihan/bimbingan setiap minggu). Taklimat balas harian atau mingguan untuk sukarelawan di lapangan boleh menjadi sebahagian daripada latihan/bimbingan. Jenis pendekatan belajar

sambil bekerja (*learning-on-the-job*) sangat berkesan dan dihargai oleh para sukarelawan. Latihan ini berkонтекس dan praktikal, dapat menambah pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang sedia ada serta memberi tumpuan kepada keperluan sebenar.

Semua kakitangan dan sukarelawan harus mengetahui objektif promosi kebersihan. Secara ringkasnya:

- **Promoter kebersihan:** harus mengetahui cara untuk merancang dan melaksanakan program promosi kebersihan dengan sistem pemantauan, memilih metodologi yang sesuai untuk promosi kebersihan yang berkesan dengan penglibatan komuniti, termasuk mekanisme akauntabiliti dan maklum balas.
- **Sukarelawan promosi kebersihan peringkat komuniti, penggerak komuniti atau pekerja temu-seru:** harus tahu cara melaksanakan metodologi yang dipilih, dengan memastikan komuniti dapat memanfaatkan sebaik mungkin kemudahan air dan sanitasi, dan tindakan diambil untuk mencegah cirit-birit dan penyakit yang berkaitan dengan air dan sanitasi.

Bergantung kepada konteks, penyelaras pasukan promoter kebersihan hendaklah bermula dengan latihan/ulangkaji bagi para promoter kebersihan dan seterusnya latihan untuk penggerak komuniti serta kumpulan-kumpulan komuniti, seperti jawatankuasa WASH.

Manual latihan (dalam pek IFRC Guidelines to Hygiene Promotion in Emergencies) dibahagikan kepada dua bahagian:

- Bahagian 1 – gambaran keseluruhan cara bagaimana melaksanakan promosi kebersihan semasa kecemasan mengikut garis panduan baru.
- Bahagian 2 – cara bagaimana melatih sukarelawan dan kakitangan baru mengenai promosi kebersihan semasa kecemasan.

**Langkah 6 Pelaksanaan**

Kluster WASH mempunyai bahan latihan yang boleh digunakan untuk melatih pasukan promosi kebersihan dengan mengadaptasi kepada konteks seperti yang diperlukan. Bahan-bahan latihan ini boleh didapati [laman web ini](#).

**Mengurus pasukan promosi kebersihan**

Semua kakitangan dan sukarelawan perlu diurus dengan baik. Mereka perlu jelas mengenai peranan mereka dan dapat mengikuti skop kerja tanpa terasa terlalu dibebani dengan kerja. Hal ini penting kerana berkemungkinan besar kakitangan dan sukarelawan sendiri terjejas dengan situasi kecemasan tersebut. Persatuan-persatuan kebangsaan mempunyai dasar pengurusan sukarelawan yang menjelaskan peraturan-peraturan utama yang berkenaan dengan sukarelawan. Ambil perhatian bahawa dasar tersebut mungkin mempunyai set peraturan khusus semasa kecemasan.

Pasukan promosi kebersihan perlu dikenal pasti dengan mudah, dengan T-shirt, topi, atau apron, dan semuanya harus mempunyai lencana nama untuk tujuan akauntabiliti.

Satu sistem akauntabiliti harus disediakan selepas perbincangan dengan komuniti yang terjejas dan NS, yang sesuai dengan konteks. Sebuah papan notis harus disediakan dengan penerangan tentang apa yang dilakukan oleh pasukan WASHRCRC, kakitangan, program, kegiatan dan sebagainya, di mana komuniti boleh mendapat maklumat lanjut dan bagaimana mereka boleh memberi maklum balas – seperti kotak pesanan jika sesuai (sekiranya masyarakat boleh menulis, dengan adanya kertas, pen dan lain-lain), talian telefon atau paparan nama-nama orang yang bertanggungjawab. Penyelaras promosi kebersihan harus menyediakan satu sistem bagi mengendalikan maklum balas, agar tindakan boleh diambil dan respons disalur balik kepada komuniti yang terjejas.

### **Promosi kebersihan dengan komuniti**

Pemilihan kaedah-kaedah telah dibincangkan di atas dalam Langkah 5: Perancangan, dan harus digariskan dalam pelan promosi kebersihan. Pastikan kaedah itu bersesuaian dengan keperluan (Langkah 1), kumpulan sasaran dikenal pasti (Langkah 2) serta konteks budaya. Kaedah-kaedah harus selaras dengan objektif-objektif yang ditetapkan (Langkah 4) dan mengambil kira analisis halangan dan pendorong (Langkah 3).

Gunakan kombinasi kaedah, dengan memberi tumpuan sebanyak mungkin kepada interaksi dan penglibatan komuniti, yang memberi penekanan untuk membolehkan komuniti yang terjejas mengambil tindakan untuk mencegah penyakit yang berkaitan dengan air, sanitasi dan kebersihan.

Kerjasama dengan para jurutera, agar mereka menjadi sebahagian dari kegiatan promosi kebersihan dalam komuniti.

### **Menggunakan kotak promosi kebersihan**

Kotak promosi kebersihan adalah kotak atau set kotak dengan barang yang berguna untuk promoter kebersihan bagi memulakan kegiatan promosi kebersihan dengan pantas sebaik sahaja berlakunya bencana. Kotak IFRC mengandungi barang-barang yang mungkin tidak mudah didapati termasuk alat tulis, kertas berwarna, gunting, cat, alat laminator, kamera, megafon, set-set gambar yang disesuaikan untuk kawasan serantau yang berbeza: Afrika, Timur Tengah, Asia dan Amerika, serta kit menjahit untuk membuat boneka; senarai penuh [di sini](#). Kebanyakan NS dan MSM ERU telah membuat kotak promosi kebersihan mengikut konteks sendiri.

### **Pilih masa dan persekitaran yang sesuai**

Persekitaran yang sesuai akan bergantung kepada penduduk sasaran dan metodologi. Pertimbangkan cara, masa dan tempat

yang paling sesuai untuk mencapai kumpulan/komuniti yang berbeza, agar mereka boleh menyertai aktiviti dan berbincang. Bekerjasama dengan guru untuk menyediakan beberapa aktiviti untuk pelajar di sekolah, dan persatuan-persatuan belia. Bergantung kepada konteks, ia mungkin sesuai untuk mengadakan perbincangan/aktiviti kemasyarakatan di tempat komuniti berkumpul seperti kawasan sumber air. Sediakan beberapa aktiviti promosi kebersihan bersama-sama dengan pengedaran barang kebersihan. Masa yang paling sesuai untuk sasaran kumpulan, dan masa mereka lebih cenderung menerima aktiviti promosi kebersihan, harus dipertimbangkan.

### **Kontrak dan penjadualan untuk media massa**

Media massa boleh digunakan untuk memaksimumkan jangkauan program dalam beberapa hari selepas berlaku bencana. Kekerapan penggunaan media massa akan bergantung kepada keperluan (contohnya jika akses kepada komuniti tidak mudah) dan bergantung kepada belanjawan. Kontrak dengan pihak TV dan stesen radio boleh dilakukan dengan bantuan daripada NS. Adalah penting untuk menyelaraskan dengan pelaksana-pelaksana WASH yang lain untuk memastikan pesanan adalah konsisten. Akan tetapi, adalah lebih baik jika program TV atau radio dilakukan secara berasingan dari organisasi-organisasi lain untuk mengelakkan pesanan berlainan yang dikaitkan dengan RCRC.

### **Bekerjasama dengan para jurutera dan pihak lain**

Promoter kebersihan adalah sebahagian daripada pasukan WASH yang lebih meluas, dan harus bekerjasama dalam pasukan tersebut. Pasukan ini perlu mengadakan mesyuarat berkala, dan membuat laporan bersama.

### **Perkakasan: Memberi sokongan terhadap pemilihan tempat, reka bentuk, operasi dan penyelenggaraan kemudahan-kemudahan WASH**

Promoter kebersihan harus bekerjasama dengan jurutera dan kakitangan kerajaan tempatan yang terlibat dalam pembinaan kemudahan WASH untuk memastikan tindakan adalah sesuai dengan keperluan penduduk yang terjejas dan mereka dapat menggunakan kemudahan yang disediakan dengan sebaik-baiknya. Kegiatan pembinaan dan aktiviti promosi hendaklah berhubung kait; contohnya, adalah sia-sia membina sebuah tandas yang baik secara teknikal tetapi tidak digunakan secara optimum kerana dari pandangan penduduk, ia dianggap tidak sesuai untuk kegunaan mereka – kemungkinan lokasi yang tidak selamat atau reka bentuk tandas tidak mengikut kebiasaan mereka. Promoter kebersihan bertanggungjawab untuk menyampaikan pilihan, keinginan dan aspirasi penduduk berkaitan dengan reka bentuk dan penempatan kemudahan WASH kepada para jurutera. Pasukan promosi kebersihan harus berbincang dengan semua lapisan komuniti: lelaki, wanita, kanak-kanak dan orang kurang upaya untuk memastikan pandangan mereka diambil kira terhadap reka bentuk dan penempatan semua kemudahan WASH. Sebagai contoh, adakah kemudahan mencuci pakaian berada pada ketinggian yang betul, adakah kanak-kanak dapat mencapai ketinggian pili air, adakah terdapat peruntukan kemudahan sanitasi bagi kanak-kanak?

Semua lapisan komuniti harus terlibat dalam menguji kemudahan bagi melihat kesesuaian, dan bekerjasama dengan jurutera jika sebarang perubahan diperlukan.

Perancangan untuk operasi dan penyelenggaraan harus dilakukan. Bergantung pada konteks, pasukan promosi kebersihan boleh membantu dengan penubuhan jawatankuasa WASH yang bertanggungjawab untuk penyelenggaraan kemudahan-kemudahan yang disediakan seperti pam air, pili air dan lain-lain.

**Langkah 6 Pelaksanaan**

Pasukan promosi kebersihan bekerjasama dengan jurutera untuk memastikan terdapat:

- ↙ Penerimaan – adakah kemudahan yang disediakan sesuai dengan pilihan dan norma tempatan; contohnya: jenis tandas, penyediaan kemudahan dan peralatan pembersihan diri.
- ↙ Kebolehcapaian akses – untuk semua lapisan komuniti; termasuk orang kurang upaya yang memerlukan tandas khas, peruntukan sanitasi untuk bayi dan kanak-kanak mesti disediakan.
- ↙ Keselamatan – risiko keganasan berdasas seksual dan jantina boleh meningkat dengan ketara selepas bencana; berbincang dengan penduduk setempat untuk mengetahui kebimbangan mereka, pastikan pencahayaan mencukupi di dalam tandas serta laluan menuju tandas, dan terdapat kunci di bahagian dalam pintu tandas.
- ↙ Penglibatan semua – pembahagian dan struktur kuasa yang sedia ada mungkin menjadi tidak adil selepas bencana; adakah terdapat sesetengah kaum etnik yang dipinggirkan?

**Akses kepada air minuman yang selamat**

Promoter kebersihan juga perlu bekerjasama dengan pihak jurutera untuk memastikan penduduk mempunyai akses kepada air yang selamat. Bergantung pada konteks, jika diperlukan - pasukan promosi kebersihan akan mempromosikan cara merawat air di peringkat isi rumah dan komuniti. Mereka boleh memberi sokongan kepada jurutera untuk menjalankan latihan rawatan air bersama komuniti; dan melakukan tindakan susulan untuk memastikan masyarakat menggunakan peralatan rawatan air yang sesuai dan selamat untuk diminum, memastikan air selamat disimpan dalam bekas yang bersih.

**Akses kepada barang kebersihan yang sesuai:  
Pengedaran bantuan**

Pengedaran barang kebersihan yang sesuai biasanya dilakukan oleh

pasukan bantuan kecemasan. Promoter kebersihan tidak melakukan pengedaran besar-besaran terhadap barang yang berkaitan dengan kebersihan (kit kebersihan, sabun, baldi, dan lain-lain), tetapi mereka mungkin terlibat dalam pengedaran berskala kecil sebagai sebahagian latihan, demonstrasi atau aktiviti promosi kebersihan. Jika berlaku jurang yang besar dari segi akses kepada barang penting (sabun, baldi, tuala wanita), perkara ini perlu dilaporkan kepada pasukan bantuan kecemasan yang bertugas dalam NS dan/atau IFRC. Walau bagaimanapun, promoter kebersihan memainkan peranan penting bagi memastikan semua ahli komuniti (lelaki, wanita dan kanak-kanak) mendapat barang kebersihan yang sesuai mengikut keperluan; mereka perlu menjadi perantara bagi membantu dan mendengar keperluan komuniti, dan menyampaikan maklumat tersebut kepada pasukan bantuan kecemasan. Mereka juga harus membantu dengan pertukaran maklumat antara pasukan bantuan kecemasan dengan komuniti, contohnya, memberi maklum balas daripada komuniti selepas pengedaran kit kebersihan, tinjauan kepuasan terhadap barang kebersihan haid, memastikan semua komuniti sedar akan hak-hak mereka; dan maklumat serta pesanan mengenai barang kebersihan yang disampaikan bersesuaian. Sistem kiosk barang kebersihan (di mana penduduk boleh memilih dan mengambil barang yang diperlukan) adalah lebih sesuai daripada pengedaran kit kebersihan.

### **Penyelarasian dan komunikasi dengan semua pihak keberpentingan**

Perkara lain yang perlu dipertimbangkan semasa merancang pelaksanaan pelan promosi kebersihan adalah memastikan koordinasi yang baik antara semua pihak berkepentingan.

- Kumpulan kecil promosi kebersihan dalam kluster WASH boleh berhubung-kait dengan rakan kongsi lain yang bekerja di sektor ini dan juga boleh menyediakan cadangan teknikal yang perlu dipertimbangkan.

**Langkah 6 Pelaksanaan**

- ↳ Agensi-agensi lain yang terlibat dengan kegiatan promosi kebersihan juga boleh berkongsi sumber dan idea. Koordinasi dengan mereka adalah penting untuk mengelakkan pertindihan: berkoordinasi, berkongsi dan belajar!
- ↳ Komuniti yang terjejas dan NS mungkin mempunyai sumber sedia ada untuk menyokong aktiviti - misalnya, adakah mereka mempunyai kotak promosi kebersihan, bahan-bahan IEC atau kit peralatan? Kerajaan juga mungkin mempunyai standard mereka sendiri (misalnya, dasar negara yang menyatakan pendekatan tertentu untuk digunakan).



**S: Kenapa pentingnya sabun diedarkan semasa tindakan kecemasan?**

J: Sabun adalah penting kerana ia dapat membantu membasmi patogen dan bakteria yang melekat pada kulit, yang tidak boleh dibersihkan dengan menggunakan air sahaja. Untuk maklumat lanjut mengenai sabun dan kebersihan tangan, sila layari [laman web ini](#).

**S: Adakah ia penting untuk memasukkan pengurusan kebersihan haid dan apakah peranan bagi promoter kebersihan di sini?**

J: Ya. Adalah sangat penting untuk memasukkan dan mempertimbangkan pengurusan kebersihan haid dalam aktiviti-aktiviti dan pesanan promosi kebersihan. Peranan promoter kebersihan adalah untuk berbincang bersama golongan wanita dalam komuniti, untuk mengenal pasti amalan yang biasa dilakukan, pilihan mereka dan sumber-sumber kebersihan haid dan menggunakan maklumat yang

diperoleh untuk mempengaruhi reka bentuk kit keluarga (juga dipanggil kit maruah (*dignity kit*), kit haid (*menstruation kit*) dan lain-lain), bagi memberi maklum balas kepada yang pasukan bantuan. Maklumat lanjut boleh didapat [di sini](#).

**S: Haruskan promoter kebersihan terlibat jika tunai diberikan dan bukannya barang kebersihan yang diedarkan?**

J: Program pemindahan tunai semakin diterima semasa kecemasan di mana tunai (baucar, kupon atau cek) diedarkan dan bukan barang kebersihan. Peranan promoter kebersihan sangat penting; iaitu untuk berunding dengan komuniti bagi memahami keperluan dan pilihan mereka sama ada dalam bentuk wang tunai/sistem baucar yang sesuai untuk mereka. Promoter kebersihan juga perlu memastikan bahawa komuniti faham dan jelas akan proses tunai dan perlu memantau bagaimana masyarakat membuat keputusan menggunakan wang tunai tersebut (contohnya: membeli barang kebersihan untuk keluarga) bagi mengurangkan pendedahan kepada risiko kesihatan awam ketika bencana dan memastikan penggunaan barang dengan cara yang betul.

---

## Langkah 6 Pelaksanaan

PENGENALAN

LANGKAH 1

LANGKAH 2

LANGKAH 3

LANGKAH 4

LANGKAH 5

LANGKAH 6

LANGKAH 7

LANGKAH 8



**LANGKAH 7**  
**PEMANTAUAN  
DAN PENILAIAN**



# Langkah 7: Pemantauan dan Penilaian



Pemantauan adalah penting untuk menunjukkan kemajuan – sama ada objektif telah dicapai dan maklum balas diterima serta diambil tindakan.

Semua pasukan (termasuk jurutera) harus terlibat dan memahami proses pemantauan; ia harus dijadikan sebahagian daripada program latihan untuk semua sukarelawan komuniti.

Libatkan populasi yang terjejas dalam pemantauan, bukan sahaja setakat mengumpul maklumat tetapi mereka harus terlibat dalam membuat analisis untuk membantu memastikan program tersebut sesuai dengan keperluan mereka – mereka adalah orang yang terbaik untuk mengetahui apa yang berlaku dan sebabnya berlaku. Penglibatan semua lapisan penduduk akan menggalakkan rasa pemilikan dan penguasaan terhadap program tersebut. Orang yang berbeza dalam komuniti mempunyai keperluan yang berbeza dan kemungkinan mempunyai akses yang berlainan kepada kemudahan. Oleh itu, adalah penting untuk melibatkan semua golongan masyarakat dalam pemantauan, contohnya lelaki, wanita, kanak-kanak, golongan terdedah dan sebagainya.

Penunjuk dalam rangka kerja logik harus digunakan, pastikan mereka berhubung kait dengan penunjuk WASH. Pasukan perlu memantau kemajuan dan kesan akibat program promosi kebersihan. Ini adalah untuk mengenal pasti kecenderungan; contohnya penggunaan tandas, dan keperluan untuk mengadaptasi semula aktiviti dan pendekatan. Soalan penting untuk ditanya ialah sama ada semua lapisan komuniti (lelaki, wanita, kanak-kanak, golongan kelainan upaya dan lain-lain) berpuas hati dengan kemudahan-kemudahan WASH, dan sedang menggunakan kemudahan tersebut.

Kaedah-kaedah untuk memantau termasuk:

- Jalan rentas (*transect walk*), pemerhatian, perbualan dengan komuniti yang terjejas
- Perbincangan kumpulan tumpuan (*FGD*)
- Pemerhatian menggunakan helaian hitung-selaras (*basic tally sheets*)
- Carta poket (*pocket chart voting*)
- Pemetaan
- Mesyuarat komuniti
- Mesyuarat pasukan

Laporan secara berkala dan maklumat pemantauan yang dikemaskini harus disusun dan dikongsikan bersama. Maklumat tersebut mesti dibincangkan dengan membuat analisis, contohnya – mengambil kira bukan sahaja objektif tercapai tetapi sama ada objektif tersebut berkaitan dengan keperluan. Masa dan kekerapan pemantauan yang dijalankan bergantung kepada konteks, contohnya skala kecemasan tersebut.

Pemantauan bukan hanya bertumpu kepada penunjuk kuantitatif (contohnya, bilangan tandas) tetapi seharusnya juga mempertimbangkan penunjuk kualitatif (dengan maklum balas daripada penduduk yang terjejas, sama ada semua lapisan komuniti menggunakan tandas dan berpuas hati dengan tandas tersebut). Beri perhatian kepada percakapan orang ramai, termasuk sukarelawan NS, kenal pasti dan menyusuli khabar angin yang timbul. Contoh borang pemantauan yang boleh disesuaikan, seperti [di sini](#). Salah seorang ahli dalam pasukan harus dipertanggungjawab untuk mengumpul, merekod dan berkongsi semua data pemantauan.

**Langkah 7 Pemantauan dan Penilaian**

<b>Penunjuk</b>	<b>Cara pengesahan</b>	<b>Kekerapan</b>
Alam sekitar bebas daripada semua bahan tinja	Jalanan rentas ( <i>transect walk</i> )	Harian atau setiap dua hari
Pengguna bertanggungjawab untuk mengurus dan menyelenggara kemudahan-kemudahan sanitasi	Memerhatikan tandas awam	Harian atau setiap dua hari
% daripada penduduk mencuci tangan dengan sabun atau abu sekurang-kurangnya selepas membuang air besar	Memerhatikan penggunaan tempat mencuci tangan	Harian atau setiap dua hari
% daripada penduduk membasuh tangan dengan sabun atau abu, sekurang-kurangnya sebelum mengendalikan makanan		Harian atau setiap dua hari
Air bersih untuk diminum	Pemeriksaan mengejut di sumber air ( <i>water point</i> )	Harian atau setiap dua hari
Penyimpanan air yang selamat di rumah (bekas yang bersih dan tertutup)	Pemeriksaan mengejut isi rumah	Mingguan
Wanita boleh mengurus isu-isu kebersihan haid dengan privasi dan rasa bermaruah	FGD	Bulanan
Sumber air dan kemudahan sanitasi boleh diakses oleh semua lapisan komuniti	Pemerhatian sumber air dan kemudahan	Harian atau setiap dua hari
	FGD	Bulanan
Promoter kebersihan diberi latihan dengan berkesan	Maklum balas kakitangan tentang kualiti dan keberkesanannya latihan	Seminggu dan sebulan selepas latihan

<b>Penunjuk</b>	<b>Cara pengesahan</b>	<b>Kekerapan</b>
Terdapat laluan maklum balas daripada komuniti dan bukti maklum balas telah diambil tindakan	Borang rekod, mesyuarat berkumpulan	Mingguan
Semua lapisan komuniti termasuk golongan terdedah dilibatkan dan diwakili pada semua peringkat projek tersebut	FGD	Bulanan

Ia juga bermanfaat sebagai sebahagian daripada pemantauan untuk menyimpan rekod 'log' keputusan yang mendokumentasikan bagaimana dan kenapa sesuatu keputusan tentang program tersebut dibuat. Hal ini sangat penting dalam konteks kecemasan kerana terdapat pertukaran kakitangan yang pesat, dan sebab-sebab keputusan yang dibuat mungkin dilupai.

### **Penilaian (*Evaluation*)**

Matlamat utama sesuatu penilaian adalah untuk menentukan nilai aktiviti dan hasil daripadanya. Adakah program tersebut menyebabkan sebarang perubahan, membantu menyelamatkan nyawa, dan meringankan penderitaan?

Terdapat dua tujuan utama sesuatu penilaian dijalankan – satu adalah pembelajaran (mendokumentasikan ajaran yang dipelajari) dan satu lagi adalah untuk akauntabiliti (melaporkan apa yang dicapai kepada pihak lain). Terdapat pelbagai kaedah penilaian yang boleh digunakan bergantung kepada keperluan dan konteks; contohnya, penilaian waktu sebenar (*real time evaluation*) semasa pelaksanaan program. Penilaian juga boleh dibuat secara dalaman atau luaran. Penilaian untuk program WASH sahaja ataupun program yang lebih meluas boleh dibuat bergantung kepada konteks dan skala program.

**Langkah 7 Pemantauan dan Penilaian**

Kriteria utama yang biasanya digunakan untuk penilaian tindakan kemanusiaan adalah<sup>5</sup>:

Kesesuaian	<ul style="list-style-type: none"> <li>↳ Adakah program promosi kebersihan berkaitan dengan keutamaan dan dasar pihak berkepentingan seperti penduduk yang terjejas, NS, kerajaan?</li> <li>↳ Adakah aktiviti dan keluaran program promosi kebersihan ini selaras dengan matlamat keseluruhan serta mencapai matlamatnya?</li> </ul>
Keberkesanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>↳ Adakah objektif-objektif program promosi kebersihan dicapai?</li> <li>↳ Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian objektif?</li> </ul>
Kecekapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>↳ Kecekapan mengukur keluaran (kualitatif dan kuantitatif) yang berkaitan dengan input.</li> <li>↳ Adakah aktiviti promosi kebersihan menggunakan kos dengan efektif?</li> <li>↳ Adakah objektif dapat dicapai dalam tempoh yang ditetapkan?</li> <li>↳ Adakah program ini dilaksanakan dengan cara yang paling berkesan berbanding dengan alternative-alternatif yang lain?</li> </ul>
Impak	<ul style="list-style-type: none"> <li>↳ Adakah terdapat perubahan positif atau negatif disebabkan oleh program ini (secara langsung atau tidak langsung; secara sengaja atau tidak disengajakan)?</li> <li>↳ Apakah yang telah berlaku disebabkan oleh program ini?</li> <li>↳ Apakah perubahan sebenar kepada komuniti selepas program promosi kebersihan dilaksanakan?</li> </ul>

<sup>5</sup> OECD, DAC criteria

Rangka kerja logik untuk program akan membentuk asas penilaian, mempertimbangkan input (sama ada sumber digunakan), aktiviti (apa yang telah dilakukan), keluaran (apa yang telah disampaikan), hasil (apa yang tercapai), dan impak (perubahan dalam jangka masa panjang).

Kedua-dua data kuantitatif dan kualitatif perlu dikumpulkan sebagai sebahagian daripada penilaian akhir. Seperti yang dijelaskan dalam Langkah 5, sebuah tinjauan dasar harus dijalankan pada permulaan program. Dengan menggunakan metodologi dan soalan-soalan yang sama, tinjauan akhir harus dilakukan sebagai sebahagian daripada penilaian, bagi menilai sebarang perubahan. Jika tinjauan dasar tidak dijalankan dan tidak ada rangka pemantauan yang betul, adalah sukar untuk mengukur dan membuktikan impak.

Penilaian perlu didokumentasikan dengan laporan yang ringkas dan jelas, dikongsi kepada semua pihak berkepentingan, dan yang paling penting ia mesti digunakan; disalur balik kepada komuniti dan dirujuk semula ketika membuat perancangan intervensi pada masa hadapan.

Pemantauan dan penilaian memainkan peranan penting bukan saja dalam menunjukkan kemajuan, tetapi juga dalam pembelajaran dan penambahbaikan.



**S: Bagaimanakah saya boleh melibatkan komuniti dalam pemantauan?**

J: Kita mempunyai tanggungjawab terhadap penduduk yang terjejas, ini adalah program mereka, maka adalah penting kita mendengar pandangan mereka. Pemantauan program, proses, dan hasil bertujuan

**Langkah 7 Pemantauan dan Penilaian**

untuk memahami kesan program ini kepada mereka yang terjejas, sepetimana mereka sendiri dapat lihat. Komuniti memahami apa yang berlaku dan sebabnya, dan dengan melibatkan mereka, mereka akan lebih berkuasa untuk mengawal program ini. Walau bagaimanapun, mungkin sukar bagi masyarakat untuk berfikir secara objektif dan mereka mungkin juga kurang mempunyai kemahiran dan pengetahuan untuk menjalankan pemantauan. Tetapi terdapat beberapa cara untuk melibatkan pelbagai lapisan komuniti (lelaki, wanita dan kanak-kanak); seperti pemerhatian, maklum balas mengenai hasil dan pentafsiran dalam mesyuarat komuniti, menyimpan helaian *simple tally*, undian dengan carta poket, pemetaan, pengujian air dan sebagainya. Para sukarelawan peringkat komuniti yang datang daripada komuniti yang terjejas dapat memainkan peranan penting dalam pemantauan.



LANGKAH 8

KAJIAN SEMULA,  
PENYELARASAN  
SEMULA



# Langkah 8: Kajian Semula, Penyelarasian Semula



Proses ini berulang-ulang, seperti dalam setiap kitaran projek di mana anda akan kembali kepada andaian awal dan strategi untuk melaras semula intervensi anda bagi menjadikannya lebih cekap dan berkesan.

Pastikan program promosi kebersihan adalah berkaitan kepada keperluan. Situasi kecemasan sering kompleks, dengan perubahan yang kerap berlaku mengikut situasi. Penilaian berterusan, perancangan semula dan penyesuaian semula aktiviti-aktiviti amatlah penting. Lihat sekeliling! Adakah terdapat masalah-masalah WASH lain dalam komuniti terjejas yang masih belum ditangani? Adakah masalah tersebut berubah? Adakah masalah yang baharu timbul? Jika ya, kembali kepada Langkah 1 dan mulakan semula. **Lampiran Garis Panduan IFRC untuk Promosi Kebersihan Semasa Kecemasan ‘Quick Fix’** memberi panduan langkah demi langkah kepada promosi kebersihan semasa kecemasan dengan penglibatan aktiviti-aktiviti utama dan pautan laman web untuk maklumat tambahan.

## Dokumentasi dan penyerahan

Jika ERU terlibat dalam tindakan kecemasan, adalah penting tindakan tersebut dijalankan secara kerjasama dengan NS (contohnya, dalam kecemasan berskala besar dengan pasukan RDRT dan ERU, mereka semua sepatutnya bekerjasama dengan NS, membantu untuk meningkatkan keupayaan NS di mana perlu); semua kerja perlu didokumentasi dan dikongsikan dengan NS, IFRC, serta RDRT dan ERU lain yang bekerja dalam tindakan

bencana. Ini akan membantu untuk mengelakkan duplikasi kerja dan perancangan kerja susulan.

Pengajaran yang dipelajari seharusnya didokumentasi dan dikongsikan sebagai sebahagian penyerahan tugas. Dokumentasi tersebut tidak semestinya dalam bentuk laporan sahaja, ia boleh juga dalam bentuk gambar atau klip video, yang menunjukkan cara-cara promosi kebersihan telah dijalankan dan pengajaran yang telah dipelajari.

## Rujukan

WASH CLUSTER (2007). *Hygiene Promotion in Emergencies – A briefing paper*, <http://www.unicefemergencies.com/downloads/eresource/docs/WASH/WASH%20Hygiene%20Promotion%20in%20Emergencies.pdf>

Sphere (2018). *Humanitarian Charter and Minimum Standards in Humanitarian Response*, <https://www.spherestandards.org/wp-content/uploads/Sphere-Handbook-2018-EN.pdf>

The Core Humanitarian Standards 2016, <https://corehumanitarianstandard.org/the-standard>

Global WASH Cluster (2009). WASH Accountability Resources: Ask, Listen, Communicate, available from: <https://ifrcwatsanmissionassistant.files.wordpress.com/2018/12/06-wash-cluster-wash-accountability-handbook.pdf>

Ferron, S., Morgan, J and O'Reilly. *Hygiene Promotion: A Practical Manual for Relief and Development*, Practical Action Publishing, 2007.

British Red Cross (2016), Mass Sanitation Module (MSM) Handbook, a general reference for MSM deployments, <https://ifrcwatsanmissionassistant.files.wordpress.com/2018/10/msm-detailed-tor-final-23082013.docx>

WASH Cluster Training Material, <http://washcluster.net/training/training-resources>

OEDC (2017), DAC Criteria for Evaluation development assistance, <http://www.oecd.org/dac/evaluation/daccriteriaforevaluatingdevelopmentassistance.htm>

Seven Fundamental Principles of the Red Cross and Red Crescent, <https://media.ifrc.org/ifrc/who-we-are/fundamental-principles/>

Code of Conduct for the International Red Cross Red Crescent Movement, <http://media.ifrc.org/ifrc/who-we-are/the-movement/code-of-conduct/>

IFRC (2012), *Gender in water, sanitation and hygiene promotion - Guidance note*, available from: [https://ifrcwatsanmissionassistant.files.wordpress.com/2018/10/guidance-note-gender-in-water-and-sanitation-en\\_lr1.pdf](https://ifrcwatsanmissionassistant.files.wordpress.com/2018/10/guidance-note-gender-in-water-and-sanitation-en_lr1.pdf)


IFRC (2015), *Minimum standard commitments to gender and diversity in emergency programming*, <https://www.ifrc.org/Global/Photos/Secretariat/201505/Gender%20Diversity%20MSCs%20Emergency%20Programming%20HR3.pdf>

IFRC (2018), *Minimum standards for protection, gender and inclusion in emergencies*, <https://media.ifrc.org/ifrc/wp-content/uploads/sites/5/2018/11/Minimum-standards-for-protection-gender-and-inclusion-in-emergencies-LR.pdf>

ICRC, IFRC (2008), *Guidelines for Assessment in Emergencies*, <https://www.ifrc.org/Global/Publications/disasters/guidelines/guidelines-emergency.pdf>

ICRC, IFRC (2016), *A Red Cross Red Crescent Guide to Community Engagement and Accountability (CEA)*, <https://ifrcwatsanmissionassistant.files.wordpress.com/2018/12/cea-guide-2401-high-resolution-1.pdf>





Lampiran

QUICK FIX

# GARIS PANDUAN IFRC UNTUK PROMOSI KEBERSIHAN – QUICK FIX

## Definisi RCRC untuk Promosi Kebersihan semasa Kecemasan

**Promosi kebersihan semasa kecemasan oleh RCRC didefinisikan sebagai:** satu pendekatan terancang dan sistematik yang disampaikan oleh kakitangan dan sukarelawan RCRC; untuk membolehkan orang ramai mengambil tindakan bagi mencegah penyakit yang berkaitan dengan air, sanitasi dan kebersihan dengan menggerakkan dan menglibatkan penduduk yang terjejas, pengetahuan dan sumber mereka; dan memaksimumkan penggunaan dan manfaat kemudahan dan alatan air dan sanitasi’.

## PROMOSI KEBERSIHAN SEMASA KECEMASAN

LANGKAH	MELIBATKAN	PELAHKU	SUMBER MAKLUMAT
 <b>LANGKAH 1: MENGENAL PASTI MASALAH</b>	<p>Mengumpulkan maklumat kuantitatif dan kualitatif untuk memahami apa yang komuniti tahu, buat dan faham, apa keperluan mereka, risiko, amalan dan struktur komuniti serta kesan daripada bencana, dengan menggunakan:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>➤ Data sekunder yang sedia ada</li><li>➤ Pemetaan</li><li>➤ FGD dengan kumpulan komuniti (susunan tiga longgok dan aktiviti carta poket)</li><li>➤ Pemerhatian dan jalanan rentas (<i>transect walks</i>)</li><li>➤ Menemuduga pihak berkuasa tempatan, agensi-agensi lain, kluster WASH, kakitangan dan sukarelawan RCRC</li></ul>	Jurutera, komuniti, sektor-sektor lain yang bekerja dalam komuniti yang sama, institusi kerajaan dan NGO lain	<ul style="list-style-type: none"><li>• <a href="#">IFRC Minimum Standard commitments to Gender and Diversity in Emergency Programming</a></li><li>• <a href="#">IFRC Guidelines for Emergency Assessment</a></li><li>• <a href="#">Sphere Project Water and Sanitation Initial Needs Assessment Checklist</a></li><li>• <a href="#">Transect Walk</a></li><li>• <a href="#">Working with communities: A toolbox</a></li></ul>
 <b>LANGKAH 2: MENGENAL PASTI KUMPULAN SASARAN</b>	Kenal pasti kumpulan Sasaran bersama dengan komuniti. Kumpulan Sasaran termasuk: mereka yang amat berisiko, orang berpengaruh dalam komuniti, semua lapisan komuniti (kanak-kanak, warga tua dan orang kelainan upaya) dan kumpulan penekanan khas (contoh: bayi/kanak-kanak kecil) dengan keperluan berbeza.	Ketua komuniti dan pekerja kesihatan, pasukan WASH, agensi-agensi lain yang bekerja dalam kawasan tersebut	<ul style="list-style-type: none"><li>• <a href="#">Pemilihan kumpulan sasaran</a></li><li>• <a href="#">Senarai semak jantina untuk akauntabiliti kluster WASH</a></li></ul>
 <b>LANGKAH 3: MENGANALISIS HALANGAN DAN PENDORONG UNTUK PERUBAHAN TINGKAH LAKU</b>	<p>Mengumpul maklumat mengenai pendorong dan halangan yang berbeza untuk mencetus perubahan tingkah laku dan menyingkirkan/mengurangkan halangan.</p> <p>Menilai sebarang reaksi, pencetus dan keserasian budaya serta membuat perubahan berdasarkan pemerhatian dan maklum balas.</p>	Pasukan WASH, komuniti, kakitangan Jabatan Kesihatan, Kerajaan dan NGO yang lain	<ul style="list-style-type: none"><li>• Laluan penyebaran penyakit</li><li>• Tingkah laku baik dan buruk</li></ul>
 <b>LANGKAH 4: MERUMUSKAN OBJEKTIF PERUBAHAN TINGKAH LAKU KEBERSIHAN</b>	Menetapkan objektif bagi setiap risiko yang dikenal pasti yang boleh dihubungkaitkan dengan perubahan tingkah laku kebersihan atau faktor-faktor yang membolehkannya.	Ketua komuniti dan pekerja kesihatan, kakitangan dan sukarelawan promosi kebersihan yang terlatih, kumpulan komuniti yang terpilih untuk pra-ujti	<ul style="list-style-type: none"><li>• <a href="#">IFRC PoA template – Penunjuk</a></li><li>• <a href="#">Aktiviti, hasil dan keluaran</a></li></ul>

LANGKAH	MELIBATKAN	PELAKU	SUMBER MAKLUMAT
 <b>LANGKAH 5: PERANCANGAN</b>	Bekerja dengan jurutera dan pihak lain untuk menghasilkan pelan kerja berdasarkan objektif-objektif yang dikenal pasti dan memilih keluaran dan penunjuk menggunakan snapshot situasi tersebut (tinjauan dan kaedah yang lain). Perkara ini juga termasuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>↳ Memilih kaedah atau pendekatan serta saluran komunikasi untuk menyasarkan kumpulan yang berbeza</li> <li>↳ Menyediakan bahan untuk aktiviti promosi kebersihan (gunakan kotak promosi kebersihan dengan sebaiknya)</li> <li>↳ Memilih sukarelawan untuk intervensi promosi kebersihan</li> <li>↳ Merintis dan pra-udi kaedah dan aktiviti dengan kumpulan kecil</li> <li>↳ Membuat perubahan dan mulakan pelaksanaan</li> <li>↳ Menyediakan pelan pemantauan dan pelaporan bagi aktiviti-aktiviti tersebut</li> <li>↳ Menjadualkan dan mengendalikan aktiviti-aktiviti promosi kebersihan</li> </ul>	Kakitangan dan sukarelawan promosi kebersihan yang terlatih, orang rujukan komuniti (community focal points) dan jurutera perkakasan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="#">Volunteer Management Toolkit</a></li> <li>• <a href="#">PHAST</a></li> <li>• <a href="#">CLTS</a></li> <li>• <a href="#">Pensampelan</a></li> </ul>
 <b>LANGKAH 6: PELAKSANAAN</b>	Mengikut pelan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti. Aktiviti utama adalah: <ul style="list-style-type: none"> <li>↳ Bekerja dengan jurutera dan pihak lain untuk mewujudkan komunikasi perubahan tingkah laku yang diperlukan bersama dengan kemudahan WASH</li> <li>↳ Merekut dan melatih sukarelawan dan kakitangan</li> <li>↳ Bekerjasama dengan pasukan bantuan untuk memberi maklum balas daripada/kepada masyarakat mengenai pengedaran barang promosi kebersihan</li> </ul>	Kakitangan dan sukarelawan promosi kebersihan yang terlatih, orang rujukan komuniti	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <a href="#">Watsan &amp; Health NFI Guidelines</a></li> <li>• <a href="#">WASH &amp; Health NFI Guidelines</a></li> <li>• <a href="#">IFRC Guidelines to Hygiene Promotion in Emergencies Trainer's manual</a></li> <li>• <a href="#">Bahan latihan kluster WASH</a></li> <li>• Bahan-bahan IEC</li> </ul>
 <b>LANGKAH 7: PEMANTAUAN DAN PENILAIAN</b>	Gunakan borang pemantauan promosi kebersihan yang disediakan pada Langkah 5.  Mengumpul data sekali lagi selepas 3 bulan untuk dibandingkan dengan data awal daripada Langkah 1 dan membuat penilaian ( <i>evaluation</i> ).  Buat perubahan kepada pelan kerja promosi kebersihan untuk menangani objektif perubahan tingkah laku kebersihan untuk senario baharu.	Kakitangan dan sukarelawan promosi kebersihan yang terlatih, orang rujukan komuniti	Pemantauan dan penilaian
 <b>LANGKAH 8: KAJIAN SEMULA, PENYESUAIAN SEMULA</b>	Ikon perubahan pada situasi untuk mengkaji semula dan menyesuaikan semula bagi menangani masalah semasa.	Kakitangan dan sukarelawan promosi kebersihan yang terlatih, orang rujukan komuniti dan jurutera perkakasan	

# Prinsip-Prinsip Asas Pergerakan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah

**Kemanusiaan** Pergerakan Antarabangsa Palang Merah Dan Bulan Sabit Merah dilahirkan dengan hasrat untuk memberikan pertolongan tanpa diskriminasi kepada mereka yang cedera di medan pertempuran dan berusaha untuk mencegah dan meringankan kesengsaraan di mana jua ia wujud. Tujuannya adalah untuk melindungi nyawa dan kesihatan serta hormat-menghormati sesama manusia. Ia memupuk kesefahaman, persahabatan, kerjasama, yang berkekalan di kalangan manusia.

**Saksama** Tidak membezakan bangsa, kaum, agama darjah atau fahaman politik dalam kegiatannya. Tujuan asasnya ialah meringankan kesengsaraan individu dan memberi keutamaan kepada kes-kes kecemasan yang paling serius.

**Berkecualian** Untuk terus mendapat kepercayaan orang ramai terhadapnya, Pergerakan tidak menyebelahi mana-mana pihak yang bermusuhan dan tidak menyertai pertikaian yang bercorak politik, perkauman, agama, dan ideologi.

**Kebebasan** Walaupun berupa badan tambahan kepada pihak yang berkuasa awam dan tertakluk kepada undang-undang Negara, Persatuan Kebangsaan tetap menjaga autonominya supaya ia boleh bertindak mengikut prinsip pergerakan.

**Khidmat Sukarela** Ia merupakan badan sukarela yang tidak didorong oleh sebarang tujuan mencari keuntungan.

**Ketunggalan** Hanya ada satu Persatuan Palang Merah atau Bulan Sabit Merah dalam sesebuah negara. Persatuan ini hendaklah terbuka kepada semua pihak dan aktivitiinya meliputi seluruh negara.

**Kesejagatian** Pergerakan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah meliputi seluruh dunia; di mana semua Persatuan mempunyai taraf dan tanggungjawab yang sama serta saling bantu-membantu satu sama lain.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai penerbitan IFRC, sila hubungi:

**Persekutuan Antarabangsa  
Persatuan Persatuan Palang Merah  
dan Bulan Sabit Merah**  
Unit WASH Geneva  
[wash.geneva@ifrc.org](mailto:wash.geneva@ifrc.org)

**Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia**  
[wash@redcrescent.org.my](mailto:wash@redcrescent.org.my)